

Jilid I
Bil. 107



Hari Isnin
23hb Disember, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) [Ruangan 17191]

Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) [Ruangan 17219]

**Rang Undang-undang Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian
[Ruangan 17229]**

**Rang Undang-undang Pinjaman (Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan
Pertanian) [Ruangan 17246]**

Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Labuan [Ruangan 17283]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Benteng).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tajah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A..M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jejebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya)

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong, Setiausaha: Haji Tajadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 23hb Disember, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
PROFESION UNDANG-UNDANG
(PINDAAN)*Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (20hb Disember 1991)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila sambung.

2.35 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk meneruskan ucapan saya yang terhenti pada hari Jumaat, 20 Disember 1991 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bukit Bintang ingin tahu mengapa saya berubah dari berlembut kepada kononnya berkeras. Menurut saya saya cuba mengikut tempo Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya tidak mengubah cara tetapi percayalah yang benar itu tetap benar. Saya menegur tindakan keterlaluan

yang dilakukan oleh Majlis Peguam dalam menjawab kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mungkin Yang Berhormat dari Bukit Bintang tidak sedar, kami di dalam Barisan Nasional mengambil sikap tanggungjawab bersama. Untuk makluman Yang Berhormat juga, saya mempunyai sikap terbuka dan boleh berunding dan berbincang dengan mereka yang bersikap terbuka dan munasabah. Apa yang penting ialah pihak yang lain hendaklah bercakap benar dan memberikan fakta yang tepat. Jangan cuba mengalih pandangan umum daripada isu sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, saya terperanjat mendengar Yang Berhormat Jelutong mengatakan masa yang paling baik untuk "menghentam dan menyerang" saya ialah ketika saya tiada di dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat, mengikut adat orang Melayu, "tikam orang dari belakang" adalah satu perbuatan yang dayus. (*Tepuk*) Jika seseorang itu menganggap

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, ini bukan tikam orang dari belakang. Itu bukan apa yang terjadi. Yang Berhormat Menteri Kehakiman ada tugas sebagai Menteri dalam Kabinet untuk hadir dalam Dewan ini. (*Tepuk*) Dan tidak ada apa-apa sebab

yang diberi oleh Setiausaha Parlimen, apabila saya ada bertanya pada hari itu,

“Kerana apa Menteri Kehakiman tidak ada dalam Dewan?”

“Oh, tugas rasmi.”

Apa tugas rasmi itu? Apa pasal? Mana lebih penting—kehadiran di sini untuk mempertahankan Kementerian atau tugas luar? Bukan tikam belakang, depan pun boleh tikam sekarang. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu.

Tuan R. Karpal Singh: Jangan main-main. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, cukuplah itu.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat cakap jangan main-main. Saya tidak pernah main-main. Bila saya bercakap, tadi saya jawab soalan Yang Berhormat bawa. Bukan Yang Berhormat tanya saya tidak datang pasal apa. Saya bertanggung-jawab kepada rakyat dan kepada Parlimen. Dan tiap-tiap Menteri dan Timbalan Menteri

Tuan R. Karpal Singh: *(Menyampuk)*

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dulu. Tuan Yang di-Pertua, biar saya habiskan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat. *(Disampuk)* Yang Berhormat Jelutong, dia tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Sebab apa dia takut? Takut, tidak mahu beri jalan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Takut, takut tidak mahu memberi jalan! Bolehkah saya dapat tahu kenapa dia tidak hadir

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, dia tidak beri jalan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Duduklah dulu! Bukan macam itu caranya Yang Berhormat. Jadi saya jawab Yang Berhormat dan Yang Berhormat kata, dengan izin: “the best time ialah when you are not around”. Itu saya jawab apa Yang Berhormat mengatakan. Jangan Yang Berhormat cuba mengalihkan pandangan. Ini tidak betullah. Dia tikam dari belakang, ini tidak baik. Ini bukan budaya kitalah! *(Ketawa)*

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: Dia mahu pergi ke lain sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, biar saya habiskan ini. Saya tidak hendak beri jalan kepada Yang Berhormat oleh kerana saya tahu apa Yang Berhormat hendak tanya.

Tuan R. Karpal Singh: Ini taktik. Taktik penakut! Pergi tajuk lain. Habis cakap saya beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, dia tidak beri jalan, Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan. Itu point of order, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Dia tidak berani

Tuan Yang di-Pertua: Point of order, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ini bukan point of order, ini penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Jika sekiranya Yang Berhormat bangun, dia tidak beri jalan, Yang Berhormat kena duduk. Itu point of order.

Tuan R. Karpal Singh: Saya tahu, saya tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, dalam banyak perkara kita perlu bersabar. Kalau dalam mahkamah, Yang Berhormat tidak boleh bercakap bila Hakim sedang bercakap. Ini saya sedang bercakap, tidak bolehlah bercakap. *(Tepuk)*

Yang Berhormat Kok Lanas—tetapi malangnya dia tidak ada di sini—perbuatan Yang Berhormat untuk hentam saya bila saya tidak ada, ini perbuatan yang dipanggil takut. Bila kita berhadapan, tidak takut. Untuk pengetahuan sahabat saya dari Kok Lanas, dia

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dia minta penjelasan, beri jalan atau tidak.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir tidak usahlah dulu. Nanti, bila saya sudah habis bercakap, sudah terang, kalau saya hendak beri jalan, baru saya boleh beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: *(Menyampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong, dia tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Dia penakut!

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh kata macam itu, Yang Berhormat. Dia tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Itu saya faham.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudahlah.

Tuan R. Karpal Singh: Mengapa tadi saya tidak diberi jalan. Itu soalan. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini sudah jadi susah. Pasal apa tidak beri jalan, pun susah. Mengikut Peraturan, macam itu disebutkan. Ia tidak ada mengatakan kena beri sebab pasal apa tidak beri jalan. Ini dalam Peraturan Mesyuarat. Tengok Peraturan Mesyuarat.

Tuan R. Karpal Singh: Saya tahu.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Terima kasih. Untuk pengetahuan sahabat saya dari Kok Lanas, nampaknya dia bercakap lantang. Saya hendak ini direkodkan. Suara dia nyaring. Bila tiba masa kita menjawab, dia tinggalkan Dewan. Saya percaya Yang Berhormat Kok Lanas ini sudah belajar daripada Yang Berhormat Jelutong dan sudah diserapi dengan cara dan budaya DAP. Tahniahlah kepada Yang Berhormat dari Kok Lanas.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta penjelasan. Hendak beri atau tidak?

Tuan R. Karpal Singh: Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas pun tidak hadir di sini. Bukankah ini tikam belakang sekarang? *(Ketawa)*

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itulah takrif "tikam belakang", Yang Berhormat tidak tahu. Dia sudah bercakap dulu. Jadi dia punya senjata sudah keluar, saya kenalah tepiskan. Saya berikan takrif yang betul kepada Yang Berhormat supaya tidak kelirulah.

Yang Berhormat bagi mengeluarkan Yang Berhormat dari Kok Lanas sedang dalam kegelapan oleh kerana sudah diselimit oleh DAP dan dia sudah mesra dengan DAP ini, dia sudah jadi macam itu, saya suka membuat penjelasan. Saya ingat dahulu Yang Berhormat dari Kok Lanas tidak berapa suka DAP tetapi sekarang bukan main sayang lagi. Dunia pun sudah berubah, tahniah kepada Yang Berhormat dari Kok Lanas.

Bila saya mengatakan dan menceritakan sebahagian kebenaran, saya menganggap sebahagian kebenaran boleh menimbulkan pembohongan, half truth can be a lie, dengan izin, sama ada secara disedari ataupun Yang Berhormat Kok Lanas tidak ada masa untuk menyemaknya. Saya tahu ada masanya memang ada peguam tidak membuat persediaan yang cukup. Ia berharap kepada nasib untuk menangkis hujah lawan di Mahkamah.

Untuk makluman Yang Berhormat Kok Lanas memang benar saya ada menerima jemputan dari Majlis Peguam untuk merasmikan Law Conference. Tetapi apabila saya diberitahu bahawa Ketua Hakim Negara tidak dijemput, saya minta Majlis Peguam menjemputlah Ketua Hakim Negara. Mereka menolak, justeru itu saya mengatakan saya terpaksa menolak jemputan itu kerana kepada saya tidaklah betul Majlis Peguam bersikap demikian kalau mahu

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya belum habis ayat saya, biar saya habiskan ayat, baru boleh minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua

Tuan R. Karpal Singh: Tidak boleh buat macam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ayat ini belum habis—tergantung. Dalam bahasa Melayu ayat tergantung tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Kalau dia berani, beri jalan sekarang.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti saya duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Justeru itu saya mengatakan saya terpaksa menolak jemputan itu kerana pada saya tidak betullah Majlis Peguam bersikap demikian kalau mahu membina masa depan dan perhubungan yang baik dengan Kehakiman. Lagi pula boleh dikatakan semua peguam sudahpun berhadapan dengan Ketua Hakim Negara di Mahkamah Agung. Perkara yang berlaku sudahpun berlalu.

Tuan R. Karpal Singh: Pergi ke ayat lain, nanti susah. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar sekarang mempertahankan kedudukan Ketua Hakim Negara. Tetapi dalam tahun 1988 apabila Majlis Peguam membentangkan satu resolusi, masa itu Menteri ini ada bagi pihak peguam-peguam, sekarang dia mahu hentam peguam, mempertahankan Ketua Hakim Negara. Bukankah ini inconsistency, hypocrisy yang besar Bukankah itu? (*Tepuk*)

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Terima kasih Yang Berhormat, saya sudah jawab soalan Yang Berhormat pada hari Jumaat. Saya sudah mengatakan sebab apa saya tidak hadir

di dalam Majlis itu dan Yang Berhormat mengamalkan hypocrisy yang lebih besar oleh kerana kalau Yang Berhormat betul-betul percaya dan yakin kepada tindakan Yang Berhormat, sepatutnya Yang Berhormat ini tidak boleh pergi Mahkamah langsung. Fasal sistem itu simbolnya ialah Ketua Hakim Negara. Saya bercakap berkenaan dengan simbol dan saya tidak pernah menghentam Ketua Hakim Negara untuk pengetahuan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sudahpun berlalu sebagaimana yang saya katakan patut dibiarkan berlalu kalau kita mahu mencari kedamaian. Rule of law, dengan izin, sudahpun berjalan dan keputusan sudahpun diperolehi. Walaupun ianya tidak seperti kemahuan mereka. Saya katakan juga kepada Majlis Peguam berhentikan sikap hypocritical dan double standard dengan tidak menjemput Ketua Hakim Negara tetapi menjemput Hakim-hakim yang lain juga seolah-olah mempunyai muslihat dan tujuan ada undang di sebalik batu. Pada masa itu mereka menerima penjelasan dan memahami pendirian saya dalam hal ini.

Saya percaya Yang Berhormat dari Kok Lanas tidak faham dan cuba menanggung di air yang keruh. Adalah satu perkara yang tidak bijak untuk mengalihkan pandangan masyarakat dari isu sebenar dan membuat tohmahan yang tidak berasas. Apa yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas dalam bahasa undang-undang adalah irrelevant dan misleading, dengan izin, terkeluar dari soal pokok yang kita bincangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat dari Batang Lupar mengenai demokrasi di negara kita. Saya hanya ingin mengatakan kepada Yang Berhormat, kita tidak perlu apologetic di negara kita ini tentang amalan atau sistem demokrasi. Walaupun kita penganut baru demokrasi ianya

hidup dengan subur dan segar tetapi memang tabiat Pembangkang, mereka akan menafikan ini semua.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan. Adakah demokrasi wujud di dalam negara ini? Itupun satu kenyataan hypocritical. Baru-baru ini KDN Roket-lidah rasmi Parti Demokratik Malaysia tidak boleh dengan umum jual kepada orang ramai. Adakah itu demokrasi dan juga akhbar-akhbar harian, apa yang terjadi di sini, apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang di sini tidak ada di dalam suratkhbar bahasa Inggeris, Melayu dan lain-lain. Adakah itu demokrasi? Apa yang disuarakan bagi pihak kepentingan orang ramai di dalam negara ini oleh Pembangkang tidak ada di dalam akhbar-akhbar harian. Apa demokrasi. Bolehkah beri penjelasan? *(Tepuk)*

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat sudah bercakap, itu demokrasilah. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hak akhbar ini, kita kena jujur dan ikhlas. Akhbar Roket, tujuannya adalah untuk ahli-ahli bukan untuk disiarkan kepada orang ramai. Bila sudah jadi penjualan kepada orang ramai, itu saya punya penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu beri penjelasan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya sambung kerana ia mengambil masa.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan R. Karpal Singh: Hendak beri atau tidak?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tidak usah buang masa, biar saya habiskan.

Tuan Yang di-Pertua: Jelutong, nanti dia tidak beri jalan. Nanti sekejap. Yang Berhormat Jelutong, sila duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang dia katakan adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat. Sila duduk!

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, apapun yang kita cakap, dia tidak akan bersetuju. Itu sudah tertulis di mukanya dengan tidak bersetuju. (*Tepuk*) Sebelum sempat saya habis ayatpun, dia sudah bangkit. Tidak bersetuju, tidak betul, bohong. Siapa bohong ini?

Tuan R. Karpal Singh: Okay, penjelasan saya beritahu sekarang.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti, tidak payah. Saya akan terus menjawab, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan masa ini, kita sudah hendak

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payah banyak masa, ini demokrasi bukan?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Oh! Tadi kata tidak ada demokrasi. (*Ketawa*) Macam mana ini?

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong sila patuhi Peraturan. Janganlah dia tidak duduk, Yang Berhormat tidak boleh bertanya. Tidak boleh minta penjelasan, kalau dia tidak duduk. Duduk! Sila duduk, Yang Berhormat, dia tidak beri jalan. Itu Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sana itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya bangun dahulu. Tuan Yang di-Pertua, saya dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Dia yang bangun dahulu Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat duduk. Sila.

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, berapa kali sudah bangun. Tuan Yang di-Pertua, Dewan Rakyat ini bukan Jelutong punya satu sahaja, tetapi ramai. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kehakiman. Saya turut mengambil bahagian sewaktu membahas Rang Undang-undang ini. Waktu saya memberi pandangan, saya mengatakan apa guna dan apakah baiknya kita melayan orang-orang yang tidak tahu menggunakan kedudukan Dewan yang mulia ini dan tengok tadi banyak kali sewaktu Menteri menjawab, dia diganggu banyak kali. Jadi, saya minta Menteri Kehakiman supaya kalau boleh tidak usahlah layan sangat. Kita tidak mahu layan, sebab dia orang ini kalau lagi dilayan, lagi naik tocang. Soalanlah itu. Saya tidak hendak dia ganggu banyak sangat, masa tidak ada.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa benarkan

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: nanti saya bercakap ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nantilah dia hendak jawab dahulu soalan itu. Berilah dia jawab. Baiklah, jikalau tidak ada soalanpun, biarlah. Berilah dia jawab dahulu. Yang Berhormat hendak bercakap apa lagi. Sila teruskan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya kesihan kepada Yang Berhormat dari Jelutong, sebab itulah fasal senior citizen. Jadi, terpaksa saya beri dia peluang, saya tidak boleh ikut sangat Yang Berhormat dari Pasir Mas itu. Kalau saya ikut nanti susah dia, nanti tempat dia pula mengatakan dia tidak buat kerja. Jadi, saya kena bantu dia sedikitlah sebagai amalan demokrasi.

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, biar saya habiskan ini dahulu. Saya belum habis lagi berkenaan dengan tadi ada tuduhan akhbar harian itu, saya hendak jawab.

Tuan R. Karpal Singh: Saya minta penjelasan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya belum jawab lagi, macam mana minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh:
(Menyampuk)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, dia tidak beri jalan, sila duduklah.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kalau perangai macam itu, macam mana suratkhbar hendak lakukan. Jadi, itu jawapan saya. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai kebebasan kehakiman telah disentuh oleh beberapa Ahli daripada Pembangkang.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, penjelasan. Dia belum jawab

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya habiskan ini dahulu.

Tuan R. Karpal Singh: Tadi dia kata dia akan beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau dia tidak mahu jawab pun dia ada hak, dia hendak jawab pun dia ada hak dalam Dewan ini. Jikalau sekiranya dia hendak jawab, dia jawab. Kalau dia tidak mahu jawab, dia tidak jawab, itulah persoalannya.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, ubah Peraturan Mesyuarat, sebab Peraturan itu seperti itu tidak baik bagi demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini demokrasi mengikut DAP, bila dia dapat bercakap demokrasi, bila dia tidak dapat bercakap, tidak ada demokrasi. Democracy is two-way traffic, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai kebebasan kehakiman telah disentuh oleh beberapa Ahli Pembangkang. Saya hairan mengapa sistem kita yang baik dan kebebasan kehakiman yang terjamin senantiasa dikecam oleh Ahli-ahli Pembangkang. Bukankah Wakil dari Jelutong dan Kok Lanas telah mempunyai manfaat yang paling banyak dan hidup dengan selesa kerana kebebasan kehakiman dan keadilan yang diamalkan di negara kita ini. *(Tepuk)*

Yang Berhormat dari Jelutong dan mungkin Yang Berhormat dari Kok Lanas selalu menang kes di mahkamah, ada masanya menentang Kerajaan. Jangan bila menang—senyap, bila kalah Yang Berhormat katakan kononnya tidak ada kebebasan kehakiman. Bukankah Yang Berhormat dari Kok Lanas dapat membuka cawangan-cawangan firma Yang Berhormat kerana kebebasan kehakiman.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalankah Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, dalam Dewan ini baru-baru ini mengenai 200 permohonan *habeas corpus* yang telah diluluskan oleh Hakim-hakim di seluruh negara, saya telah bercakap beberapa hari dahulu dan saya ulangi sekali lagi. Saya ulangi apa yang telah saya cakapkan masa itu. Ada kebebasan kehakiman dalam negara kita -saya telah beritahu hari itu. Ini bukan soalan sama ada tidak ada kebebasan kehakiman, tetapi apa yang telah dibuat oleh Kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menakutkan Hakim-hakim dalam negara ini. Apa yang jadi pada tahun 1988 apabila Tun Salleh Abas dipecat, itu apa yang (*Disampuk*) dikatakan tadi di atas kebebasan kehakiman

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, biarlah dahulu.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua pun satu masa dahulu seorang Hakim dan tahu apa akan terjadi jikalau mendapat seorang Perdana Menteri yang bila-bilapun mengugut Hakim-hakim dalam negara ini. Ini dalam sejarah. Dalam tahun 1988 apa yang sudah jadi? Tun Salleh Abas dipecat dan 5 Hakim lain menghadapi Tribunal, dan dua orang daripada mereka dipecat

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah itu.

Tuan R. Karpal Singh: Kebebasan kehakiman ada, tetapi perangai Kerajaan, itu apa yang kami persoalkan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, itu

sebabnya saya tidak hendak beri jalan, oleh kerana Yang Berhormat nanti bercakap perkara-perkara yang tidak ada kena-mengena. Ulang-ulang perkara yang sama yang telah saya jawab. Kebebasan kehakiman ini, jangan kita lupa, kalau Kerajaan mengambil tindakan, sebab ada kebebasan kehakimanlah Yang Berhormat pergi ke mahkamah untuk mendapat *habeas corpus* semua, jangan campurkan tindakan Kerajaan dengan kebebasan kehakiman, tempat Yang Berhormat mencari makan itu. Yang kita minta Yang Berhormat dari Kok Lanas dan Yang Berhormat dari Jelutong ini, kita tidak minta untuk membela Kerajaan, tidak payah. Bukan kita hendak Majlis Peguam membela Kerajaan—juga tidak payah. Apa yang penting ialah supaya kita bercakap benar dan janganlah cuba mengaburi mata rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan mengapa cara kita melantik Ketua Hakim Negara dipertikaikan. Bila ada Ahli Kerajaan membuat komen umum mengenai kehakiman, habis dipukul canang di seluruh dunia yang kebebasan kehakiman terhakis di negara ini.

Saya tidak pernah mendengar Yang Berhormat mempertikaikan kebebasan kehakiman di England kerana Lord Chancellor yang menjadi ketua kepada sistem kehakiman England adalah seorang ahli Kabinet yang dilantik oleh Perdana Menteri. Sedangkan di sini Ketua Hakim Negara dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan tidak terlibat dengan pihak Eksekutif. Bukankah cara ini boleh menjejaskan kebebasan kehakiman di England dari sebenarnya berlaku daripada negara kita. Tetapi ini Yang Berhormat tidak ceritakan oleh kerana tidak ada manfaat kepada parti Pembangkang. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu dalam kebebasan kehakiman ialah sistem itu sendiri. Yang Berhormat pun

tidak pernah bercerita pada masa ini, sistem kehakiman di England dicabar oleh orang awam dan juga di Parlimen kerana ketidakadilan yang berlaku dalam McGuire case, Birmingham Six dan yang paling mutakhir sekali dalam kes pembunuhan terhadap seorang pegawai Polis yang berlaku semasa satu rusuhan dahulu. Mereka yang didapati bersalah oleh mahkamah kemudiannya didapati tidak bersalah. Kritikan hebat telah dilemparkan terhadap kehakiman, tetapi saya tidak pernah mendengar Yang Berhormat dari Kok Lanas atau Yang Berhormat dari Jelutong mengecam yang sistem kehakiman di England terancam. Tetapi sedikit sahaja bunyi kontroversi di negara kita, Yang Berhormat dan ahli-ahli Majlis Peguam yang lain dan segelintir ahli Bar Malaysia menceritakan ke seluruh dunia kononnya kebebasan kehakiman tidak lagi wujud di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya yakin Yang Berhormat melihat bagaimana seorang Hakim Supreme Court dihadapkan di hadapan Congress untuk disoal-selidik sebelum dilantik menjadi Hakim. Dia di soal-selidik dengan keras bagi mendapatkan sikap dan falsafah hidupnya. Cerita-cerita lampau mengenainya pun dibangkitkan tetapi Presiden Amerika mempertahankan kerana orang yang dilantik oleh Presiden itu dianggap selari dan selaras dengan pemikiran dan kehendak Kerajaan. Bukankah sistem yang sedemikian rupa lebih jelas dan nyata mengancam dan menggugat kebebasan kehakiman. Tetapi Yang Berhormat tidak ada kepentingan untuk bercakap, hanya negara kita sahaja yang tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, banyak contoh yang saya boleh berikan yang menunjukkan ada ahli-ahli Majlis Peguam telah memberi gambaran yang negatif dan serong terhadap negara kita. Contoh yang paling mutakhir sekali ialah dalam saranan untuk meminda Akta Profesion Undang-undang ini.

Tanggapan Persatuan Peguam luar negara kita ialah Kerajaan ingin mentadbir dan menguruskan Majlis Peguam di dalam negara kita, Kerajaan akan mendisiplinkan Majlis Peguam. Sedangkan pindaan yang ada di hadapan kita pada hari ini adalah di atas permintaan Majlis Peguam sendiri dan untuk memperkukuhkan dan memperkuatkan lagi pengawasan oleh Majlis Peguam, mengapa mereka tidak menceritakan ini semua kepada Persatuan-persatuan Peguam di luar negara kita. Kita bukan meminta untuk dibela oleh Majlis Peguam tetapi beritahulah perkara sebenar kepada rakan-rakan mereka di luar negara bukan mencemar nama negara kita.

Yang Berhormat dari Jelutong mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu memberikan pembuktian. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak perlu membuktikan kenyataan yang dibuatnya tempoh hari kerana beliau tidak menghadapi apa-apa tuduhan untuk dibuktikan, terletaklah kepada Majlis Peguam untuk menunjukkan kejujuran dan keikhlasan. Mereka sepatutnya menceritakan kepada dunia luar yang mereka telah dapat mengamalkan profesion mereka tanpa gangguan kerana wujudnya sistem kehakiman yang bebas. Janganlah nama baik negara diperkecilkan semata-mata mengikut perasaan yang dihantui dengan budaya bangkang. Apa untungnya? Sayangilah kedamaian negara ini yang telah memberikan rezeki dan kesejahteraan untuk hidup bahagia. Bersyukurlah, belajar bersyukur itu baik. Janganlah kita menggigit tangan yang menyuapkan nasi ke mulut kita. (*Tepuk*) Janganlah kita meludah marah bumi yang memberikan kita rezeki, ini hakikat Yang Berhormat.

Wakil dari Kok Lanas membangkitkan soal merapatkan hubungan Kerajaan dengan Majlis Peguam. Beliau mengharapkan Menteri Kehakiman berfungsi merapatkan hubungan ini.

Saya suka menegaskan bahawa saya telah menemui Majlis Peguam beberapa kali. Dengan nada dan maksud yang sama seperti yang tersiar di akhbar, saya menasihatkan Majlis Peguam supaya melupakan yang sudah-sudah. Mari kita tinggalkan babak-babak yang tidak berkaitan lagi dengan suasana dan kehendak masa. Mari kita melihat ke hadapan dan menghadapi cabaran-cabaran yang lebih besar ke atas negara kita. Mari kita perkukuhkan dan pertingkatkan peranan dan tanggungjawab Majlis Peguam demi nama baik dan imej profesion guaman itu sendiri. Kalau usaha ini telah tidak diberi pertimbangan, apa yang boleh saya buat melainkan kita biarkan apa yang hendak mereka lakukan berasaskan kepada hak asasi dan kebebasan mereka. Kalau tidak, kita ditohmah pula mengganggu Majlis Peguam di dalam mentadbirkan badan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan dari itu apakah pula langkah membaiki suasana yang telah diambil oleh Majlis Peguam, tidak ada, sedangkan sebagai orang-orang yang kononnya bertanggungjawab dan mengerti tentang implikasi perbuatan mereka sewajarnya bijak menilai kelemahan dan mengkritik diri untuk menjadi bekal membaiki masalah yang timbul, ini tidak dilakukan, sebaliknya menuduh pihak lain yang bersalah. Lebih keliru lagi bila mereka bersuara senada dan seirama dengan parti Pembangkang. Itu yang kita kata nampaknya Majlis Peguam berpolitik, nyata sekali Yang Berhormat bercakap bagi pihak Majlis Peguam. Sebenarnya pihak Pembangkanglah yang bertindak menanggung di air keruh dengan menyemarakkan lagi sikap buruk segelintir ahli Majlis Peguam.

Berhubung dengan perkara yuran yang dikenakan ke atas peguam seperti yang dibangkitkan oleh wakil dari Kok Lanas, ianya hendaklah tertakluk kepada seksyen 46 Akta dan jumlahnya ditetapkan dari masa ke semasa oleh Majlis Peguam sendiri.

Berkenaan dengan jumlah insurans yang dikenakan kepada firma guaman yang besar dan firma guaman yang kecil, perkara ini akan diputuskan oleh Majlis Peguam sendiri. Saya suka mencadangkan agar diambil nasihat perunding insurans antarabangsa. Peraturan-peraturan akan dibuat dengan kelulusan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Pasir Mas ada membangkitkan soal penubuhan tribunal dan perlantikan ahli Lembaga Tatatertib. Orang awam dilantik bagi tribunal penyiasatan dan pendengaran, tetapi bagi mengambil tindakan tatatertib adalah wajar dan sesuai mereka yang berkelayakan undang-undang menganggotai Lembaga Tatatertib.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada menyatakan Majlis Peguam jadi sedemikian rupa kerana tekanan Kerajaan. Saya kira wakil dari Kepong silap membuat tanggapan. Sebenarnya kerana terlalu bebaslah yang menyebabkan mereka terlupa diri. Jadi, janganlah wakil dari Kepong menuduh Kerajaan menekan Majlis Peguam. Saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan tidak bertindak sedemikian.

Di samping saya menegur wakil dari Kepong, saya sukacita kerana beliau sedar sememangnya terdapat sikap salah laku, cuai dan menyeleweng yang dilakukan oleh peguam. Ini bermakna pindaan perlu dilakukan. Selama beberapa tahun yang lalu, Majlis Peguam telah menghantar beberapa memorandum kepada Menteri Kehakiman dan juga Peguam Negara dengan mencadangkan pindaan-pindaan tertentu yang akan dibuat kepada Akta Profesion Undang-undang 1976. Majlis Peguam telah menunjukkan kepada Kerajaan tentang hasratnya untuk melaksanakan skim insurans indemniti profesional dan juga untuk memperbaiki prosedur tatatertib bagi peguambela dan peguamcara. Rang Undang-undang

(Pindaan) ini menyatukan pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh Majlis Peguam.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan sistem pengambilan pelajar undang-undang, ianya boleh dikaji oleh Lembaga Kelayakan yang ditubuhkan di bawah Akta ini. Lembaga itu terdiri daripada Peguam Negara sebagai Pengerusi, dua orang Hakim, Pengerusi Majlis Peguam dan seorang Dekan Fakulti Undang-undang yang dinamakan oleh Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat wakil dari Jelutong ada membangkitkan soal penahanan seorang peguam, Christopher Fernando di Kota Kinabalu. Saya ingin menjelaskan yang penahanan itu adalah sah di sisi undang-undang, beliau tidak mempunyai pas kerja (work permit) sepertimana yang dikehendaki oleh Akta Undang-undang Imigresen. Tidak ada seorang pun di negara kita boleh dikecualikan daripada peruntukan undang-undang, oleh itu peguam pun kena mentaati dan mematuhi undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah adil apa yang wujud sekarang, seorang peguam dari Semenanjung yang mahu mengendalikan satu kes di Sarawak atau Sabah memerlukan work permit, memerlukan passport antarabangsa? Adakah dalam satu negara yang mana Sarawak dan Sabah jadi sebahagian daripada negara Malaysia, adakah ini baik? Adakah Kerajaan akan ambil tindakan untuk menghapuskan apa yang wujud sekarang? Itu saya mahu dapat tahu.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Soalnya, selagi kedudukan undang-undang itu sedemikian, kita kena hormati. Sama ada undang-undang

itu baik atau tidak, itu adalah satu persoalan yang lain. Kalau perlu kita kaji semula, kita akan mengkaji semula.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat kenapa kita tak boleh wujudkan satu Bar sahaja bagi keseluruhan Malaysia, Akta Profesion Undang-undang 1976 telah dibuat dengan hasrat untuk menyatukan undang-undang berhubung dengan profesion undang-undang di Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Walau bagaimanapun, ianya tidak dikuatkuasakan di Sabah dan Sarawak kerana keengganan perundangan negeri Sabah dan Sarawak memberikan keizinan supaya Akta itu diperluaskan ke Sabah dan Sarawak. Tidak ada masalah bagi Kerajaan Persekutuan untuk kita memperluaskan.

Di bawah Perkara 161(B) Perlembagaan Persekutuan, mana-mana peruntukan yang dibuat melalui suatu Akta Parlimen yang memberi hak untuk menjalankan amalan di hadapan mahkamah Sabah dan Sarawak, tidak boleh berkuatkuasa sehingga dipakai (adopted) oleh negeri tersebut melalui sesuatu enakmen perundangan. Jadi selagi ada itu, kita terpaksa.

Yang Berhormat dari Jelutong juga marah

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ada dijawab tadi mengenai dengan Lembaga Tatatertib yang terdiri di kalangan peguam-peguam sahaja. Saya ingin mengetahui kalau dapat dijelaskan dari segi terms of reference. Saya bertanya terms of reference kepada Lembaga Tatatertib ini mengenai apakah bentuk kesalahan.

Kita tahu tentang kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh peguam-peguam untuk diambil tindakan, tetapi dari segi kesalahan ini mungkin dirujuk kepada undang-undang. Tetapi ada juga kesalahan-kesalahan yang pada kamata masyarakat satu kesalahan moral, seperti ada peguam-peguam menyibar fitnah, buat bohong. Jadi bagaimanakah tindakan yang boleh diambil oleh Lembaga Tatatertib? Sebab itu saya mencadangkan supaya Lembaga Tatatertib mesti dimasuki juga orang-orang awam dan terms of referencenya itu bukan setakat dari segi salahlaku mengikut peraturan perundangan, tetapi dari segi kesalahan moral, tanggungjawab akhlaknya bagi kepentingan negara. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan mengenai perkara ini.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Pasir Mas, terima kasihlah di atas persoalan itu. Kita ada dua; satu, Lembaga Tatatertib yang mengandungi dan dipengerusikan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Agung, itu adalah untuk menentukan soal-soal kesalahan dari sisi undang-undang. Di bawahnya ada Jawatankuasa Tatatertib. Jawatankuasa Tatatertib ini mengandungi orang-orang biasa yang tidak semestinya peguam. Jadi, apabila Jawatankuasa Tatatertib sudah membuat keputusan, maka dirujuk untuk memutuskan dari segi hukuman kepada Lembaga Tatatertib. Itu perlu setelah diputuskan.

Berkenaan dengan salahlaku ini, bukan hanya kes pecah amanah atau salahlaku biasa. Apa-apa kecuaihan di dalam professional liability dengan izin, yang dilakukan oleh peguam, boleh dilaporkan kepada Majlis Peguam atau dilaporkan terus kepada Lembaga Tatatertib dan Lembaga Tatatertib boleh melantik satu Tribunal Penyiasatan. Bila Tribunal Penyiasatan sedia dengan keputusannya, Tribunal Penyiasatan

boleh bawa kes itu untuk didengari oleh Jawatankuasa Tatatertib yang akan diputuskan kemudiannya oleh Lembaga Tatatertib.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Itu saya faham, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi mengenai dengan salahlaku dalam ertikata ada peguam-peguam yang memang tidak ada kena-mengena dengan kes perundangan mahkamah, tetapi dia seorang peguam, dia pergi ke luar negeri, dia pergi ceramah di luar negeri, dia buat kenyataan, dia buat pamphlets, macam-macamlah, yang memburukkan perundangan negara atau membuat perkara-perkara yang kita anggap dari segi moral dan akhlaknya tak betul. Bagaimanakah peguam seperti ini boleh diambil tindakan?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan ini kita perlu lihat untuk digubal berkenaan dengan etika dan peraturan-peraturan dari segi peradaban, sopan ahli-ahli peguam semasa di dalam negeri atau di luar negeri, luar daripada kes-kes yang sebegini rupa. Saya percaya di dalam hal ini, pihak yang mengatur kembali peraturan-peraturan etika kerja boleh melihat perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu. Tetapi buat masa ini, ini adalah di dalam bidang tugas dua badan, iaitu Majlis Peguam sendiri dan juga Peguam Negara. Jadi perkara ini boleh dirujuk kepada Peguam Negara untuk dikaji tentang kesesuaiannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jelutong juga marah kepada Saudara Zaid Ibrahim kerana wujudnya Persatuan Peguam Muslim. Dia telah memanggil Saudara Zaid Ibrahim pengkhianat. Dia suka panggil nama orang macam-macam dengan nama-nama yang teruk. Saya nampak Yang Berhormat ini double standard sedikit dalam hal ini. Bukankah Perlembagaan kita membenarkan hak bersatu? Lagi pula, the whole truth, dengan izin, persatuan ini

ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan. Ia tidak mempunyai kuasa-kuasa statutory sebagaimana Majlis Peguam. Itulah saya pinta Yang Berhormat bercakap benar supaya tidak keliru. Yang Berhormat jangan ingat Majlis Peguam Islam ini adalah satu lagi Majlis, ia hanya satu pertubuhan dan persatuan sahaja. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat Menteri dan Kementerian akan bersetuju dan menyokong kalau ada hasrat untuk menubuhkan Majlis-majlis Peguam Kristian, Majlis-majlis Peguam Buddhist dan Majlis-majlis Peguam Hindu?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh menjawab perkara yang tidak ada di sini. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mesej yang saya ingin sampaikan kepada Majlis Peguam dan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang ialah untuk mengkritik dan menegur bukan terletak pada mereka sahaja. Mereka boleh menegur dan mengkritik, orang lain pun boleh mengkritik dan memberi pandangan terhadap mereka. Oleh itu, Perhimpunan Agung UMNO mempunyai hak untuk memberikan pendapatnya supaya pendapatnya diketahui oleh masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang diceritakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lular dan juga Yang Berhormat dari Kok Lanas mengenai bukan Peguam sahaja yang melakukan kesalahan tetapi profesion-profesion lain juga mempunyai black sheep, saya suka menjelaskan di sini dan saya bersetuju yang profesion lain selain daripada profesion undang-undang juga mempunyai black sheep, hanya bezanya ialah peguam ini sebagai golongan yang dikatakan hendak menegakkan keadilan, mempunyai tugas dan tanggungjawab yang berlainan dari

profesion-profesion lain dalam soal keadilan. Mereka terdedah kepada pemerhatian masyarakat umum, sebab itulah kes-kes terhadap peguam menarik minat masyarakat umum.

Seperkara lagi, di sini saya suka sebutkan Majlis Peguam cuba kadangkala mengelirukan fakta mengenai tindakan contempt mereka terhadap Ketua Hakim Negara, Tun Hamid, kononnya kes contempt ini bukan kes untuk singkirkan Ketua Hakim Negara. Mereka hanya mengambil tindakan menghina Mahkamah terhadap Ketua Hakim Negara. Cerita dan penafian begini sebenarnya memberikan separuh kebenaran kerana mereka tidak langsung menyebut akibat dan kesan daripada tindakan itu diambil. Bagi mereka yang mengetahui undang-undang akan sedar

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kok Lanas bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak minta penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya dengar saya dihentam berbagai-bagai in my absence, sekarang saya ada di sini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Kehakiman, dalam resolusi tahun 1988 Majlis Peguam berhubung dengan kes pemecatan Tun Salleh Abas, adakah Yang Berhormat hadir dan sokong dalam resolusi itu?

Yang kedua, saya hendak tanya Menteri Kehakiman semasa beliau dijemput oleh Majlis Peguam untuk menghadiri Law Conference baru-baru ini, ada atau tidak dia menerima surat jemputan dan surat jemputan itu telah dijawab untuk hadir, tetapi malangnya dia tidak hadir?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya

hendak kena ulang, saya kena ada sessi yang berlainan dengan Yang Berhormat dari Kok Lanas. Sebab itulah saya kata bila time jawab, sudah bawa, sudah hentam saya teruk-teruk, hadirilah pada masanya. Saya takkan jawab lagi oleh kerana semua ada dalam *Hansard*. Tuan Yang di-Pertua

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir biarlah, saya sudah hendak habis ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dalam soal kes menghina Mahkamah, cerita yang mereka bawakan seolah-olah tidak ada akibat dan kesannya. Bagi mereka yang mengetahui undang-undang akan sedar jika seseorang itu melakukan contempt terhadap Mahkamah ini boleh dihukum penjara; atau didenda; atau diberikan amaran. Andainya Ketua Hakim Negara didapati bersalah dalam kes contempt, akibatnya memanglah akan menjadi aneh dan tidak layak bagi seseorang yang telah dihukum oleh Mahkamahnya sendiri untuk memegang jawatan Ketua Hakim Negara. Itulah yang tersirat dalam tindakan Majlis Peguam yang telah mereka sembunyikan dari pengetahuan awam.

Mereka menceritakan seolah-olah kita tidak faham apa tujuan sebenar tindakan mereka. Tindakan sebegini tidak menguntungkan. Oleh sebab itulah saya meminta Majlis Peguam melaporkan apa yang telah berlaku pada masa yang lampau kerana proses

undang-undang dan the Rule of Law telah berjalan mengikut keadaan biasa. Kita terpaksa menerima hakikat ada masa-masanya kita berjaya dan ada masanya gagal di dalam sesuatu tindakan. Tetapi, kita hendaklah menerima keputusan muktamad berasaskan kepada keadilan dan Keluhuran Undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, saya suka mengulangi pendirian dan sikap kita berhubung dengan pindaan ini. Kita melakukannya atas semangat ingin melihat kelancaran fungsi peguambela dan peguamcara. Demikian juga, kita ingin menyaksikan satu kekesanannya fungsi Majlis Peguam berhubung dengan tata tertib dan insurans perlindungan. Di samping itu, kita juga memberi tumpuan kepada pemerhatian dalam aspek mengawal dan mengawas tindakan dan amalan profesion dalam menjalankan tugas selaras dengan undang-undang. Mudah-mudahan imej dan kemuliaan profesion undang-undang akan lebih terpelihara.

Kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Manamana perkara yang telah ditimbulkan dan tidak sempat saya menjawabnya akan senantiasa di dalam perhatian Kementerian. Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (No.2)

Bacaan Kall Yang Kedua dan Ketiga

3.19 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967; Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967; Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976; Akta Cukai Perkhidmatan 1975; dan Akta Setem 1949 dan memansuhkan Enakmen Duti Harta Pesaka 1941; Ordinan Duti Harta Pesaka bagi negeri Sabah; Ordinan Duti Harta Pesaka bagi negeri Sarawak; Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1965; Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1971; Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1979; dan Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980, dibacakan buat kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan semasa pembentangan Belanjawan 1992 baru-baru ini.

Di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Bab I Rang Undang-undang ini adalah mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja dan Bab II adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Untuk memberi takrifan yang lebih tepat kepada orang-orang cacat, Fasal 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 18 Akta Cukai Pendapatan 1967 dengan memansuhkan takrif-takrif 'disabled person', dan pindaan ini akan berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992. Sebelum ini pembelian alat-alat oleh pihak majikan untuk kegunaan kakitangan mereka tidak diberi potongan sepenuhnya pada tahun alat-alat tersebut dibeli.

Fasal 5(a) bertujuan memasukkan satu perenggan baru (e) ke dalam Seksyen 34, Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk membenarkan potongan sepenuhnya diberi ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh pihak majikan untuk membeli apa-apa alat yang perlu bagi membantu pekerja yang hilang upaya dalam menjalankan fungsi dan tugasnya. Dan pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan dua perenggan baru (f) dan (g) ke dalam Seksyen 44, subseksyen (7) untuk melanjutkan makna kepada perkataan 'organisation' bagi merangkumi organisasi yang mendapat bantuan Kerajaan semata-mata untuk menjalankan kegiatan bagi mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan pembangunan industri dan komersial dan organisasi yang ditubuhkan dan diselenggarakan khas untuk mentadbir dan mengendalikan suatu tabung semata-mata bagi menggalakkan perpaduan negara. Dan pindaan ini disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1990.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan satu perenggan baru (d) di dalam Seksyen 46 untuk memberi pelepasan kepada seseorang individu sehingga maksimum \$3,000 bagi membeli alat-

alat sokongan asas yang perlu untuk kegunaannya ataupun untuk kegunaan isterinya anak atau ibu bapanya, yang mana mereka adalah seorang yang hilang upaya. Pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1992.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 10 bertujuan meminda Seksyen 48, subseksyen (1) untuk menaikkan had umur bagi maksud pelepasan anak daripada 16 kepada 18 tahun dan menaikkan jumlah pelepasan bagi seseorang anak yang hilang upaya daripada \$1,000 kepada \$1,600. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992.

Fasal 12 bertujuan untuk menggantikan perenggan (b) Seksyen 50, subseksyen (3) di mana seseorang isteri telah membuat pilihan di bawah Seksyen 45 (2) atau seseorang isteri itu tidak mempunyai pendapatan berjumlah bagi tahun taksiran berkenaan.

Bayaran berkenaan dengan caruman insurans ataupun annuity yang tertanggung oleh isteri adalah juga disifatkan telah dibayar oleh suami. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1991.

Fasal 13 bertujuan untuk menggantikan subseksyen (7), Seksyen 60 bagi memperuntukkan had bagi potongan kepada 95% ke atas premium yang dibayar oleh perniagaan insurans umum, berkaitan dengan apa-apa insurans semula dengan penanggung insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans Luar Pesisir 1990, sama seperti dalam kes penanggung Insurans di Luar Pesisir, dan pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992.

Fasal 14(a) bertujuan meminda subseksyen (1) Seksyen 60D untuk melanjutkan tempoh pengecualian ke atas pelupusan syer dalam Syarikat Usahaniaga oleh Syarikat Modal Usahaniaga daripada 2 kepada 3 tahun.

Fasal 14(b) pula bertujuan meminda subseksyen (3) Seksyen 60D untuk

membenarkan kerugian yang berbangkit daripada pelupusan syer-syer dalam Syarikat Usahaniaga atau atas pembubaran Syarikat Usahaniaga ditolak di bawah Seksyen 43(2) atau 44(2).

Fasal 14(c) bertujuan memperuntukkan dalam proviso kepada subseksyen 4, Seksyen 60D bagi membenarkan perbelanjaan yang tidak diserap dalam sesuatu tahun taksiran dibawa ke hadapan. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 15 bertujuan untuk memasukkan satu subseksyen baru (4A) dan menggantikan subseksyen (6) Seksyen 60E untuk membenarkan Syarikat Ibu Pejabat Operasi yang bermastautin di Malaysia, mengagihkan pembayaran dividen setelah cukai dibayar tanpa perlu membuat potongan cukai ke atas dividen tersebut. Dan pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992.

Fasal 17 bertujuan untuk menggantikan Bahagian IV Jadual I, Akta Cukai Pendapatan 1967 berkaitan dengan cukai ke atas koperasi. Dan pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk megurangkan kadar cukai ke atas pendapatan koperasi dan pindaan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1992.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda Jadual III dengan memasukkan perenggan baru 2A, 2B, 2C dan 13A. Dan perenggan 2A bertujuan untuk memperuntukkan perbelanjaan loji yang layak ke atas loji ataupun jentera yang telah digunakan bagi maksud bukan perniagaan sebelum ia digunakan bagi maksud perniagaan.

Perbelanjaan loji yang layak yang akan diambil kira ialah harga pasaran ke atas loji dan jentera pada hari ianya digunakan bagi maksud perniagaan.

Perenggan 2B bertujuan memperuntukkan perbelanjaan loji yang layak

bagi maksud loji dan jentera yang telahpun digunakan semasa tempoh pengecualian dan seterusnya digunakan bagi maksud perniagaan selepas tempoh pengecualian.

Perbelanjaan loji yang layak ialah harga pasaran ataupun nilai bersih buku mengikut mana yang lebih rendah pada hari ianya dibawa masuk dan digunakan dalam perniagaan.

Perenggan 2C bertujuan memperuntukkan bahawa loji dan jentera yang telah digunakan di luar Malaysia dan dibawa masuk untuk kegunaan perniagaan di dalam Malaysia layak mendapat elaun di bawah Jadual III. Dan jumlah perbelanjaan loji yang layak ialah harga pasaran ataupun nilai bersih buku mengikut mana yang lebih rendah ke atas loji ataupun jentera pada hari loji ataupun jentera itu dibawa masuk untuk kegunaan di Malaysia.

Perenggan 13A bertujuan memperuntukkan bahawa tiada elaun permulaan boleh diberi kepada logi yang tersebut dalam perenggan 2A, 2B atau 2C. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992.

Fasal 19 bertujuan meminda Jadual VI dengan pindaan ini pengecualian daripada cukai ke atas pendapatan yang diperolehi daripada penterjemahan buku ataupun karya sastera di bawah perenggan 32A ditambah daripada \$3,000 kepada \$6,000.

Perenggan 32B pula bertujuan menaikkan pengecualian cukai yang telah diberi kepada penulis ke atas pendapatan yang diperolehi daripada royalti atau bayaran berkenaan dengan penerbitan ataupun penggunaan atau hak untuk menggunakan apa-apa karya sastera daripada \$6,000 kepada \$12,000.

Sementara itu, Tuan Yang di-Pertua, Perenggan 35 adalah digantikan dengan Perenggan yang baru dengan memasuki perkara mengenai pengecualian cukai ke atas faedah bagi bon-bon korporat.

Dan pindaan-pindaan ini berkuatkuasa mulai daripada tahun taksiran 1992.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III ialah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967. Fasal 21 bertujuan untuk mengurangkan kadar cukai pembangunan daripada 3% kepada 2%. Pindaan itu berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1992.

Fasal 25 pula bertujuan menggantikan Perenggan 2 Seksyen 21B(1) bagi memperuntukkan bahawa pemeroleh hendaklah memegang simpan kesemua wang balasan ataupun jumlah wang yang tidak melebihi 5% daripada jumlah nilai balasan itu, mengikut mana yang lebih rendah, sehingga dia menerima perakuan kelulusan daripada Ketua Pengarah di bawah Seksyen 21A. Pindaan-pindaan ini disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb November, 1991.

Tuan Yang di-Pertua, Bab ke V ialah berkenaan dengan pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan Bab ini bertujuan memperluaskan skop pengenaan cukai ke atas perkhidmatan-perkhidmatan seperti dinyatakan dalam peraturan 3 Jadual Kedua kepada Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 1975.

Tuan Yang di-Pertua, Bab VI ialah berkenaan dengan pindaan-pindaan kepada Akta Setem 1949. Bab ini bertujuan meminda Akta Setem 1949 untuk menghapuskan duti setem yang perlu dibayar ke atas nota bank, bil pertukaran yang kena dibayar bila dituntut, bil muatan dan resit dan untuk mengecualikan duti setem bagi apa-apa pindahmilik atau serahhak ke atas jualan hakcipta, cap dagangan, paten dan lain-lain hak yang sama. Pindaan ini disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1992.

Tuan Yang di-Pertua, Bab yang ke VII ialah berkenaan pemansuhan Enakmen Duti Harta Pesaka 1941, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sabah dan Ordinan Duti Harta Pesaka bagi

Sarawak, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1965, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1971, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1979 dan Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980. Dan bab ini bertujuan memansuhkan duti harta pesaka mulai 1hb November, 1991. Pemansuhan ini walau bagaimanapun, tidak akan menjejaskan kuatkuasa undang-undang yang dimansuhkan berkenaan dengan orang-orang yang meninggal dunia sebelum 1hb November, 1991.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tidak ada yang hendak bahas?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 28—

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 28 dipinda dengan menggantikan Fasal 28 dengan yang berikut iaitu Seksyen 3 Akta Cukai Perkhidmatan 1975 yang disebut Akta itu dalam Bab ini adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan yang berikut:

“Mana-mana perkhidmatan yang ditetapkan (kemudian daripada ini dalam Akta ini disebut perkhidmatan yang kena di bayar cukai yang disediakan oleh atau di mana-mana;

- (i) mana-mana tempat perniagaan profesional yang ditetapkan; ataupun
- (ii) mana-mana tempat perniagaan yang ditetapkan;

Tuan Pengerusi, tujuan pindaan kepada Fasal 28 adalah supaya semua barang-barang bercukai termasuk makanan yang dijual dalam mana-mana tempat perniagaan profesional yang ditetapkan, tidak akan dikenakan cukai perkhidmatan selaras dengan tujuan untuk mengenakan cukai perkhidmatan hanya ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh ataupun dalam tempatan perniagaan profesional tersebut.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan kepada Fasal 28 sekarang ini terbuka untuk dibahas. Tidak ada yang hendak bahas. Saya kemukakan masalah iaitu Fasal 28 sepertimana dipinda hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 28 sepertimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 30—

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 30 dipinda dengan menggantikan Fasal 30 dengan yang berikut:

“Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan ‘atau menjual atau membekalkan barang yang kena dibayar cukai di mana-mana tempat perniagaan yang ditetapkan’ dengan perkataan-perkataan “yang disebut” dalam Seksyen 3(a) atau menjual atau membekalkan barang yang kena dibayar cukai yang disebut dalam Seksyen 3(b).”

Tuan Pengerusi, tujuan pindaan kepada Fasal 30 dan juga Fasal 31 adalah:

- (i) supaya cukai boleh dikenakan ke atas perkhidmatan yang diberi di luar tempat perniagaan profesional yang ditetapkan, umpamanya peguam memberi perkhidmatan di mahkamah atau jurutera memberi perkhidmatan di kawasan pembinaan.
- (ii) supaya cukai tidak dikenakan ke atas barang-barang bercukai seperti makanan yang dijual dalam tempat perniagaan profesional yang ditetapkan.

Ini adalah selaras dengan tujuan untuk mengenakan cukai perkhidmatan hanya ke atas perkhidmatan yang diberikan oleh ataupun dalam tempat perniagaan profesional.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa pindaan kepada Fasal 30 sepertimana yang dicadangkan terbuka untuk dibahas sekarang. Tidak ada yang hendak bahas. Saya kemukakan masalah

iaitu Fasal 30 sepertimana dipinda hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 30 sepertimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 31—

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Fasal 31 dipinda dengan menggantikan Fasal 31 dengan yang berikut:

“Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan ‘atau menjual atau membekalkan barang yang kena dibayar cukai di mana-mana tempat perniagaan yang ditetapkan’ dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “yang disebut dalam Seksyen 3(a) atau menjual atau membekalkan barang yang kena dibayar cukai yang disebut dalam Seksyen 3(b).”

Tujuan pindaan ini adalah seperti yang telah saya sebutkan di atas.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Tidak ada hendak bahas. Masalahnya ialah Fasal 31 sepertimana dipinda, hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 31 sepertimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 32 hingga 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANTARABANGSA BAGI PEMBANGUNAN PERTANIAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.44 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian, 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan membolehkan Malaysia menjadi anggota Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian melalui penerimaan Perjanjian Penubuhan Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian. Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian ataupun International Fund for Agricultural Development (IFAD) adalah sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang telah ditubuhkan pada tahun 1977.

Tujuan IFAD adalah untuk memberi bantuan kewangan kepada negara-negara yang sedang membangun bagi projek-projek memajukan sektor pertanian khususnya pengeluaran makanan, dan negara-negara yang telah mendapat pinjaman daripada IFAD terdiri daripada negara-negara di Afrika, Asia, Latin Amerika dan negara-negara Carribean. Bagi tempoh 1979 hingga tahun 1990 sejumlah US\$2871.6 juta pinjaman telahpun dipinjamkan kepada negara-negara ahli IFAD. Keahlian IFAD adalah terbuka kepada semua negara ahli PBB iaitu United Nations dan negara-negara tersebut terbahagi kepada 3 kategori keahlian iaitu Kategori I bagi negara-negara maju

yang meliputi 22 buah negara; Kategori II bagi pertubuhan negara-negara pengeksporth minyak (OPEC) yang meliputi 12 buah negara dan Kategori III, bagi negara-negara membangun yang terdiri daripada 111 buah negara dan pada masa ini sebanyak 145 buah negara telahpun menjadi ahli IFAD.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Kerajaan menandatangani Perjanjian Penubuhan Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian dan Malaysia telah menjadi anggota IFAD pada 23 Januari 1990 yang lalu.

Pengurusan dan operasi IFAD diuruskan melalui Majlis Pengelola (Governing Council), dengan izin, Lembaga Pengarah (Executive Board) dan pihak pengurusan yang diketuai oleh Presiden serta kakitangan pentadbiran. Tiap-tiap ahli mempunyai wakil dalam Majlis Pengelola dan dikehendaki melantik seorang Gabenor dan Gabenor alihganti. Lembaga Pengarah pula terdiri daripada 18 ahli yang terdiri daripada 6 orang wakil dari tiap-tiap kategori keahlian.

Sumber kewangan IFAD adalah melalui sumbangan daripada negara-negara ahli dan negara-negara lain dan pertubuhan yang bukan ahli IFAD juga boleh menyumbangkan kepada IFAD. Semasa penubuhan IFAD, negara-negara Kategori I dan II masing-masing telah menyumbangkan sebanyak US\$567.3 juta dan US\$435.5 juta sebagai sumbangan permulaan. Negara-negara kategori III, telah menyumbang sebanyak US\$19.3 juta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 Rang Undang-undang ini memperuntukkan bahawa kelulusan Dewan Rakyat melalui ketetapan perlu diperolehi sebelum sumbangan tambahan boleh dibuat kepada IFAD dan bagi tahun 1992, sebanyak \$300,000 telah diperuntukan sebagai sumbangan Malaysia kepada IFAD.

Fasal 4 Rang Undang-undang menghendaki sumbangan kepada IFAD dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan. Selaras dengan itu juga, Fasal 7 menghendaki semua bayaran-bayaran yang lain kepada IFAD juga dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan dan Fasal 8 memerlukan semua penerimaan daripada IFAD dibawa ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Untuk tujuan melaksanakan segala obligasinya di bawah Perjanjian Penubuhan Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian. Fasal 6 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan bagi pihak Kerajaan bagi mewujudkan dan mengeluarkan nota tak boleh niaga dan nota tanpa bunga sebagai ganti kepada matawang Malaysia berkaitan dengan sumbangan yang dibayar oleh Malaysia kepada IFAD.

Tuan Yang di-Pertua, IFAD adalah satu badan berbagai hala yang bertujuan memberi bantuan kewangan kepada negara-negara sedang membangun dan penyertaan Malaysia dalam IFAD membuktikan sokongan kita ke atas usaha-usaha untuk meninggikan taraf hidup negara-negara miskin dan negara-negara sedang membangun khususnya di Benua Afrika dan Asia dan keanggotaan Malaysia juga penting dan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kerjasama di antara negara-negara Selatan. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian 1991 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Klang.

3.51 ptg

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati Rang Undang-Undang Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian 1991 seperti yang kita bincangkan sekarang memang baik, kerana ia bertujuan untuk mengatasi masalah makanan yang terus melanda dunia terutama di negara-negara sedang membangun dan kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tidak faham mengapa Tabung yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 13hb Jun, 1976 di Rome, hanya sekarang baru hendak dibentangkan di Parlimen dan dikuatkuasakan. Mengapa selepas 15 tahun berlalu baru negara kita membentangkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini? Jadi saya tertarik untuk bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah sebenarnya negara ini menyertai Perjanjian Pertubuhan Tabung Antarabangsa? Saya telah menyemak dalam Perjanjian Pertubuhan Tabung ini, dan mendapati tidak disebutkan negara kita. Ini menunjukkan bahawa Malaysia bukan negara ahli asal yang bertanggungjawab dalam penubuhan Tabung ini. Bolehlah dikatakan Malaysia tidak ada peranan dalam arena antarabangsa bagi menyelesaikan masalah kekurangan makanan yang melanda dunia dalam tempoh tersebut. Akan tetapi mengapa sekarang baru Malaysia menyedari perlunya menganggotai Tabung ini, ialah kerana baru nampak faedahnya kepada negara kita sebagai negara yang membangun. Kerajaan Malaysia baru sedar dari lamunan dan egoan tentang idea negara perindustrian baru dengan

mengabaikan peranan sektor pertanian bagi negara dan dunia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua memahami bahawa dunia, terutamanya negara-negara maju lebih tertumpu kepada pembangunan teknologi, bukan makanan, seperti perlumbaan senjata. Betapa nasib rakyat dari negara-negara yang mengalami kebuluran dan kemiskinan seperti di Afrika dan kini rakyat dari negeri-negeri Kesatuan Soviet sudah berhadapan dengan kekurangan makanan. Selama ini tidak diberi perhatian dan tumpuan sepenuhnya oleh negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu dengan bermulanya era pembangunan pertanian hasil dari perhubungan Tabung Antarabangsa ini, maka ia patut menjadi sempadan bahawa dunia ini perlu mengeluarkan lebih banyak makanan untuk umat manusia. Berbanding dengan negara-negara maju dalam bidang pertanian, pembangunan pertanian Malaysia adalah minimal, maka tabung ini diharap boleh menjadi pembuka jalan bagi mengatasi kekurangannya. Negara-negara yang mengeluarkan sumbangan besar kepada tabung ini patutlah dipuji di atas kesedaran dan bertanggungjawab mereka seperti negara Belgium, Iran, Arab Saudi dan Argentina tetapi malang sekali iaitu Amerika Syarikat hanya memberi sumbangan yang tidak banyak berbeza dengan negara-negara blok Eropah dan Asia.

Berbalik kepada Rang Undang-undang ini, dalam hubungan dengan Fasal 4 iaitu sumbangan kepada tabung, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, berapakah sumbangan negara Malaysia ke dalam Tabung ini dan bagaimana pula dengan kadar bantuan yang boleh diperolehi oleh negara dari Tabung itu? Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan penjelasan yang jelas tentang kedudukan ini pada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa Dewan Rakyat perlu dirujuk bagi mendapatkan kelulusan tentang apa-apa pertambahan sumbangan Malaysia kepada Tabung tersebut pada masa akan datang. Ini bererti Dewan yang mulia ini akan mengetahui setiap perkembangan yang akan berlaku kepada kedudukan Malaysia dalam Tabung ini. Walau bagaimanapun, wang yang diterima daripada Tabung ini oleh Kerajaan haruslah dipastikan tidak akan disalahgunakan oleh Kerajaan untuk dibelanjakan bagi maksud lain. Kecenderungan ini apabila kita memahami apa yang tersirat di sebalik Fasal 8 Rang Undang-undang, apabila ia menyebut bahawa semua wang yang diterima oleh/atau bagi pihak Kerajaan Malaysia daripada Tabung hendaklah dibayar ke dalam Kumpulanwang Disatukan. Ini bererti wang ini akan bercampur-baur dengan wang Kerajaan yang lain yang boleh dengan mudah disalahgunakan untuk maksud yang bukan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita menyemak Rang Undang-undang Pinjaman Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian 1991 pada Fasal 3(2) yang berbunyi:

“Semua wang yang dipinjam oleh Kerajaan di bawah subseksyen 1 hendaklah dibayar ke dalam Kumpulanwang Pembangunan dan hendaklah walau apapun, seksyen 3 Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 digunakan dan adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud-maksud yang baginya wang itu dipinjam. Dengan syarat bahawa jika mana-mana bahagian wang itu tidak dapat digunakan bagi maksud-maksud wang tersebut terdahulu, bahagian itu bolehlah digunakan bagi apa-apa maksud lain yang diluluskan oleh Menteri dan Tabung.”

Adalah jelas bahawa terdapat seruan di mana wang yang dibuat pinjaman bagi maksud pertanian boleh digunakan untuk tujuan lain.

Tuan Yang di-Pertua, wang dari Tabung ini akan merupakan satu sumber kewangan Kerajaan untuk dibelanjakan yang baru dan dalam keadaan Kerajaan yang sudah banyak berhutang sekarang. Apa sahaja seruan yang menjadi sumber kewangan Kerajaan maka ia akan dipergunakan sehebat-hebatnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan wang yang dipinjam dari Tabung ini dilarikan bagi tujuan lain, maka adalah penting dibentuk satu tabung khas bagi tujuan pembangunan pertanian sahaja dan semua wang yang diterima daripada Tabung Antarabangsa disalurkan ke dalam tabung ini dan dibelanjakan khususnya untuk maksud pembangunan pertanian sahaja. Tabung ini pula hendaklah diuruskan oleh Badan atau orang yang bebas dari kegiatan politik dengan parti pemerintah dan ditadbirkan menurut kehendak dan syarat pinjaman Tabung Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa Pembangunan Pertanian Negara masih belum menyeluruh. Setakat ini kita hanya ada beberapa kawasan pembangunan pertanian bersepadu dan bangunan menyeluruh dalam kawasan tersebut belum mendatangkan hasil maksima. Ke arah itu, maka dicadangkan lebih banyak pembangunan kawasan pertanian bersepadu dibuka dan dibangunkan seluruh kawasan tanah pinggir, tanah-tanah terbiar di seluruh negara. Bukan itu sahaja, pembangunan gunatenaga pertanian haruslah diperhebatkan dan ditingkatkan supaya menarik lebih ramai golongan belia kita balik ke pangkal jalan untuk memajukan pertanian di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, jika perancangan gunatenaga pertanian tidak dibuat dengan menyeluruh dan berterusan, saya bimbang sektor pertanian akan bergantung selamanya kepada pekerja-pekerja asing. Latihan pertanian moden dan insentif yang boleh

menarik minat mereka haruslah diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mampu menjadi pengeksport hasil pertanian yang maju jika Kerajaan sedia mengurbankan tenaga untuk membangunkan gunatenaga pertanian dari kalangan rakyat kita secara bersungguh-sungguh. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Padang Terap.

4.00 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyumbang sedikit kepada perbahasan mengenai dengan Akta ini, yang mana sebelum saya menyokongnya saya ingin membangkitkan beberapa persoalan.

Sepertimana yang kita maklum bahawa pembangunan pertanian di negara ini adalah berjalan dengan pesat bukan minimal sepertimana yang dikatakan Ahl Yang Berhormat tadi. Pada hakikatnya pembangunan pada peringkat tahap 3% setahun adalah satu tahap yang tinggi yang tidak dapat dicapai oleh lain-lain negara, malah negara maju sekalipun di dalam pembangunan pertanian. Cuma yang saya ingin menanya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu apakah baru tahun ini sahaja ataupun selepas 145 negara menjadi ahlinya baru kita memikirkan kita patut memasuki pertubuhan ini. Apakah perlunya kita memasukinya pada hal di dalam hal pembangunan pertanian sudah ada beberapa sumber pembangunan, iaitu khususnya daripada satu lagi agensi Bangsa-bangsa Bersatu iaitu Bank Dunia (World Bank) yang mana pembangunan pertanian kita baik dari segi pengeluaran bahan-bahan makanan mahupun pengeluaran bahan-

bahan bukan makanan iaitu getah dan lain-lain lagi, kita dapati daripada Bank Dunia. Dahulu kalau tidak salah saya, kita mendapat taraf negara yang membangun yang mana kita hanya membayar 6% sahaja kepada pinjaman untuk mengeluarkan bahan makanan daripada pinjaman Bank Dunia.

Jadi, soalan saya di sini, apakah agensi yang baru yang ditubuhkan pada 1977 yang mempunyai tabungan lebih kurang US\$2,000 juta ini bertindih dengan fungsi-fungsi Bank Dunia khususnya di dalam bidang pertanian yang dibuat oleh Bank Dunia yang mana negara kita mendapat manfaat yang banyak daripada pinjaman-pinjaman Bank Dunia. Kebanyakan pinjaman yang kita buat pada Bank Dunia adalah diisytiharkan atau diakui oleh Bank Dunia sebagai pinjaman yang cukup baik, yang cukup cekap diuruskan. Malah Bank Dunia sendiri mengakui bahawa dua projek yang Malaysia meminjam untuk pembangunan pertaniannya iaitu FELDA dan MADA di Kedah/Perlis adalah merupakan dua agensi pembangunan pertanian yang paling berjaya di dunia di dalam sejarah Bank Dunia.

Jadi, di manakah the dividing line di antara fungsi agensi Bangsa-bangsa Bersatu yang baru ini dengan Bank Dunia sendiri?

Saya menyokong jikalau manfaatnya banyak kita dapati. Saya mendengar dari ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang mengatakan bahawa wang ini akan disalurkan untuk pembangunan sektor pemakanan di dunia. Jadi, apakah kita sebagai satu negara yang tidak mempunyai potensi pertanian yang tinggi akibat daripada sumber tanah yang kebanyakannya digunakan untuk pengeluaran kelapa sawit dan getah. Yang tinggal hanya tanah-tanah pinggir ataupun tanah-tanah residual atau alluvial yang tidak boleh dilarikan air untuk pengeluaran makanan. Apakah dengan menjadi

keahlian badan ini kita dapat mengaut manfaat sebanyak-banyaknya?

Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang quantum yang kita kena sumbang tiap-tiap tahun. Saya pun kurang dengar tadi. Apakah quantum yang sebanyak berjuta-juta ringgit ini akan mendatangkan pembalikan yang baik dari segi usaha kita?

Apa yang saya maksudkan di sini ialah potensi untuk meningkat dari segi pengeluaran bahan makanan negara kita tidak ada, kerana tanah-tanah yang elok semuanya diambil untuk penanaman kelapa sawit dan getah. Yang ada hanya tanah-tanah yang tidak akan memberi pengeluaran yang cekap. Maksudnya kalau kita terpaksa bertanding untuk mengeluarkan beras dengan Thailand, kita kalah. Sebab kita adalah high-cost producer, dengan izin, ataupun kita bertanding untuk mengeluarkan apa-apa bahan makanan dengan Thailand iaitu buah-buahan. Kita kalah. Bukan kerana kita tidak ada kepakaran tetapi kerana, selain daripada tidak ada tanah yang baik, opportunity cost of labour atau kos melepasi tenaga buruh kita adalah lebih tinggi di sektor pengeluaran. Itu hasil dari pembangunan kita. Lebih baik pemuda-pemudi desa keluar bekerja di Kulim, bekerja di Mak Mandin atau bekerja di Petaling Jaya di dalam keadaan sejuk dan selesa daripada bertungkus-lumus di dalam bendang ataupun di sawah.

Apa yang berlaku di negara kita di mana pelarian tenaga buruh dari sektor makanan adalah satu perkara yang logik. Kalau kita bangunkan juga, soalnya adakah kita hendak mempertahankannya dari segi penahanan tariff dan lain-lain lagi? Tentu kita tidak mahu. Dari segi pertimbangan ekonomi tentu kita hendak membawa masuk makanan yang lebih murah daripada pendapatan kita yang banyak kita dapati daripada sektor bukan pertanian. Jadi persoalannya adalah penting. Mungkin kerana menimbangkan persoalan-persoalan inilah, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan

baru hanya memikir untuk masuk menjadi ahli. Tetapi, apakah kemasukan ini dapat mendatangkan manfaat selepas beberapa tahun atau lebih 12 tahun, 13 tahun kita hendak menjadi ahli? Saya ingin mengetahui apakah manfaat (benefit) daripada menjadi ahli ini.

Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai governing council. Bagaimana pemilihan presidennya dilakukan. Dan bagaimana pula Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang dibahagi-bahagikan kepada tiga kategori negara-negara duniaini dipilih. Kerana jikalau kita menjadi ahli di dalam agensi seperti ini, biarlah kita menjadi ahli yang aktif, ahli yang betul-betul menonjolkan kuasa kita di dalam bidang ini.

Saya tengok dikebanyakan agensi-agensi Bangsa-Bangsa Bersatu, negara-negara Asia tidak pun mendapat tempat yang baik, malah dalam apa-apa pemegangannya seperti Presiden FAO, Presiden Bank Dunia dan lain-lain presiden khususnya di dalam bidang pertanian tidak ada langsung orang Asia. Yang ada dulu hanya orang Lebanon. Dan orang Lebanon tidak boleh dikatakan mewakili pertanian Asia di dalam FAO.

Jadi, apakah kita hanya hendak menjadi ahli yang pasif? Apakah kita perlu menonjolkan peranan-peranan negara Tenggara Asia atau Asia sendiri di dalam menjalankan atau mentadbirkan badan-badan ini. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah penting dari segi menyalurkan bantuan, dari segi menyalurkan keilmuan di dalam bidang pertanian kepada negara-negara ini. Jikalau kita tengok di dalam satu badan Bangsa-bangsa Bersatu dulu iaitu ECAFE, yang mana apabila negara-negara membangun menyedari bahawa pentingnya memegang pengurusan itu untuk pembangunan negara-negara membangun sendiri, barulah diusahakan pemilihan ahli-ahli dari negara membangun.

Jadi, jikalau kita hendak menjadi ahli, Tuan Yang di-Pertua, eloklah kita menjadi ahli yang cukup aktif, yang cukup membawa bukan sahaja manfaat kepada kita tetapi membawa manfaat kepada lain-lain negara membangun khususnya negara Selatan-Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyatakan di sini bahawa usaha ini adalah baik dan walaupun saya bertanya persoalan-persoalan tadi, tetapi saya menyerulah supaya apabila dipilih ahli-ahli kita di dalam majlis ini seperti di FAO di Rome, orang-orang yang betul-betul berkemampuan, yang betul-betul professional di dalam bidang pertanian dihantar menjadi wakilnya.

Jangan kita hantar hanya untuk menghantar sahaja kerana badan ini akan dianggotai oleh profesional-profesional pertanian dan ahli-ahli sains pertanian dari seluruh dunia. Untuk negara kita diberi penghormatan yang tinggi di dalam menjalankan ataupun menjadi ahli di dalam Council pertubuhan ini, biarlah seorang ahli di dalam bidang pertanian khususnya di dalam bidang pertanian pengeluaran makanan, dihantar sebagai wakil kita dan diberi segala keistimewaan-keistimewaan yang perlu didapati oleh seorang duta.

Dahulu kita menghantar wakil ke FAO di Rome, saya masih ingat lagi pada awal tahun 70an. Wakil itu tidak dibekalkan dengan motokar sehingga wakil itu terpaksa menggunakan teksi—untuk pergi kerja tidak mengapalah menggunakan teksi tetapi di dalam satu function yang diadakan oleh Kedutaan Republik Rakyat China, wakil kita terpaksa menaiki teksi pergi ke satu function yang dihadiri oleh negara-negara dari seluruh dunia. Pada hal wakil kita di situ adalah di peringkat duta.

Jadi, jika kita hendak mengadakan wakil, eloklah pihak Kerajaan menyediakan segala privileges, segala kemudahan yang sesuai dengan taraf

seorang duta. Jangan hanya disediakan segala-galanya di London sahaja yang mana Embassy kita di London seolah-olah menjadi satu travel agency, penuh dengan kereta-kereta Mercedes, Rolls-Royce dan lain-lain tetapi satu agensi yang penting, yang produktif kepada negara secara direct, secara terus-menerus sepatutnya diberi keistimewaan seperti ini untuk melambangkan imej negara dan untuk memberi motivasi kepada pegawai yang menjadi wakil itu.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

4.13 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Klang dan Padang Terap yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia adalah sebuah negara yang muda sekali. Kita mempunyai masalah-masalah yang perlu kita selesaikan sebelum kita menyertai dalam arena dunia. Tadi kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Klang dan Padang Terap telah membangkitkan soalan mengapa negara kita ini hanya mengambil bahagian ataupun ingin mengambil bahagian di dalam International Fund for Agricultural Development (IFAD) selepas Tabung ini ditubuhkan pada tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang saya telah katakan, Malaysia adalah sebuah negara yang muda dan selepas kita mendapat kemerdekaan,

kita mempunyai masalah-masalah sendiri yang mana kita ingin menyelesaikan. Pada masa ini kita telah sedar bahawa keadaan ekonomi negara Malaysia dan juga Asia adalah di dalam keadaan kesusahan dari segi makanan. Kita ingin menyertai pertubuhan IFAD ini supaya kita dapat memainkan peranan untuk menolong mereka dan juga seperti apa yang saya telah katakan di dalam ucapan saya tadi ini juga adalah selaras dengan hasrat Yang Amat Berhormat dan juga Kerajaan di mana kita ingin merapatkan hubungan dengan negara-negara Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun-tahun yang lepas, Malaysia telah mempunyai banyak sumber pinjaman luar negeri dari sumber-sumber lain dan kita tidak memerlukan pinjaman daripada IFAD. Inipun adalah salah satu alasan mengapa kita tidak mengambil keputusan untuk menyertai pertubuhan IFAD ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita lambat sedikit untuk menjadi anggota tetapi saya mengangap it is better late than never, dengan izin, dan sumbangan yang kita akan memberi kepada IFAD sebagai anggota di bawah Kategori III ialah US\$300,000 sebagai sumbangan kepada Pertubuhan IFAD ini.

Tadi saya mengatakan anggota-anggota di bawah IFAD boleh dikategorikan ataupun dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu Kategori I, Kategori II dan Kategori III. Ahli-ahli anggota di bawah Kategori I memberi lebih sumbangan. Di bawah Kategori II pun kena memberi sumbangan tetapi tidak begitu banyak kalau dibandingkan dengan Kategori I. Yang rendah sekali ialah Kategori III yang mana Malaysia akan menjadi anggota.

Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa pinjaman-pinjaman yang akan diberikan oleh IFAD untuk projek-projek yang mereka sokong iaitu untuk projek-projek pengeluaran yang ada kaitan dengan pengeluaran makanan

di negara masing-masing. Pinjaman akan diberikan oleh IFAD dan pinjaman ini kalau dibandingkan dengan pinjaman-pinjaman daripada World Bank dan badan-badan dunia yang lain nampaknya interest rate, dengan izin, tidak begitu rendah. Apabila mereka memberi pinjaman, pinjaman itu boleh diberikan di bawah tiga terms, dengan izin, iaitu:

- (i) highly consentional terms;
- (ii) intermediate terms; dan
- (iii) ordinary terms.

Kalau di bawah highly consentional terms itu, pinjaman boleh diberikan dengan interest rate 1%, that is for service charge only. Kalau di bawah intermediate terms dan ordinary terms adalah 4% dan 8% masing-masing. Jadi, nampaknya kalau dibandingkan dengan International Fund for Construction and Development yang mana pinjaman itu untuk projek-projek lain bukan sahaja untuk projek makanan, lain sedikit daripada IFAD iaitu interest rate adalah 7.73% sahaja.

Jadi, nampaknya Malaysia seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap kalau kita bandingkan potensi untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara kita ini dengan negara-negara lain berdasarkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu saya bersetuju sekali. Nampaknya Malaysia tidak begitu berminat untuk meminjam atau mendapat pinjaman dari IFAD.

Seperti apa yang saya katakan dalam ucapan tadi, Malaysia ingin menyertai pertubuhan IFAD ini adalah dengan tujuan untuk menolong negara-negara lain.

Negara-negara seperti Amerika Syarikat dan negara-negara besar dalam dunia ini, mereka menjadi anggota bukan semata-mata ingin mendapat pinjaman daripada IFAD tetapi memainkan peranan seperti anggota United Nations untuk menolong negara-

negara yang tidak bernasib baik atau menghadapi masalah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ataupun projek-projek ataupun melaksanakan projek-projek pengeluaran makanan. Jadi, ini bukanlah, the first consideration of the country, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Klang mengatakan bahawa mereka ingin melihat bahawa pinjaman yang kalau kita dapat daripada IFAD supaya memastikan bahawa pinjaman itu tidak disalahgunakan. Jadi, saya di sini memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat, pinjaman-pinjaman yang kita dapat daripada luar negara, jikalau kita perlu akan dikendalikan dengan teliti.

Saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa pinjaman-pinjaman itu kalau diberikan oleh pertubuhan-pertubuhan dunia seperti IFAD ataupun International Fund for Agricultural Development dan Development World Bank dan sebagainya, mereka pun ingin memastikan bahawa pinjaman yang mereka berikan itu tidak akan disalahgunakan. Jadi, saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat supaya janganlah bimbang.

Berkenaan dengan Governing Council yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, di sini saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa berkenaan dengan Governing Council, tiap-tiap ahli mempunyai seorang wakil dalam Governing Council. Dan tiap-tiap ahli itu melantik seorang Governor seperti apa yang saya katakan tadi dan seorang Governor alihganti. Dan Governor alihganti itu akan menjalankan tugas seorang Governor apabila ketiadaan Governor tersebut ataupun tiada di pejabat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memberitahu sejumlah 1,800 undi di dalam Governing Council ini walaupun IFAD mempunyai 145 ahli

anggota sahaja, dan 1,800 undi itu dibahagikan sama, 600 undi bagi kategori satu, 600 undi bagi kategori dua dan 600 undi bagi kategori tiga. Dan di dalam kategori satu itu 600 undi, dengan izin, 82.5% of the 600 votes distributed among the category one members based on the initial contribution and additional contribution. Dan yang baki itu 17.5% distributed equally among category one members. 82.5% is distributed among the members based on the initial contribution. If you contribute more, than you got more votes, dengan izin.

Kategori yang kedua pun serupa juga—600 undi, 75% is distributed based on the contribution, tetapi 25% is distributed equally among category two members. Kategori tiga yang mana Malaysia akan menjadi anggota, yang akan masuk di sini 100%—600 votes— is distributed equally among category three members. Ini yang saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa ini sebahagian cara yang mana mereka akan gunakan untuk memilih Governor ataupun Chairman of the Governing Council.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menyentuh semua hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan yang mana yang saya tidak dapat menjawab, saya akan minta pegawai-pegawai saya memberi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (TABUNG ANTARABANGSA BAGI PEMBANGUNAN PERTANIAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.29 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Pinjaman (Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian) 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini bertujuan membolehkan Malaysia ataupun badan-badan berkanun tertentu mendapat pinjaman daripada Tabung Antara-bangsa bagi Pembangunan Pertanian.

Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian atau The National Fund for Agricultural Development (IFAD) adalah sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu PBB yang telah ditubuhkan pada tahun 1977 dan tujuan IFAD ialah untuk memberi bantuan kewangan kepada negara-negara yang sedang membangun bagi projek-projek kemajuan pertanian khususnya pengeluaran makanan. Dan IFAD mempunyai 145 buah negara ahli dan Malaysia telah menganggotai IFAD pada 23 Januari, 1990.

IFAD memberi pinjaman bagi projek-projek kemajuan pertanian mengikut syarat-syarat pinjaman seperti berikut:

Pinjaman Khas di atas syarat-syarat yang paling mudah dengan bayaran perkhidmatan sebanyak 1% setahun dan tempoh kematangan selama 50 tahun termasuk grace period selama 10 tahun. Pinjaman Khas ini diberi kepada negara-negara yang mempunyai pendapatan per kapita kira-kira US\$300 ataupun kurang nilai Dollar Amerika Syarikat pada tahun 1976 digunakan. Misalnya bagi projek perkhidmatan pertanian dan pelbagaian tanaman di Equatorial, Guinea.

Kedua, pinjaman di atas syarat sederhana dengan kadar faedah sebanyak 4% setahun dan tempoh kematangan selama 20 tahun, termasuk grace period selama 5 tahun, misalnya bagi projek Rain Fad Agriculturel di Jawa Timur, Indonesia.

Ketiga, pinjaman di atas syarat biasa dengan kadar faedah sebanyak 8% dan tempoh kematangan selama 15 hingga 18 tahun, termasuk grace period selama 3 tahun, misalnya bagi projek perkembangan teknologi pekebun kecil di Cherado, Brazil.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada kedudukan ekonomi negara kita, IFAD bersedia memberi pinjaman kepada Malaysia di bawah syarat pinjaman yang ketiga, iaitu syarat biasa.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Kerajaan Malaysia untuk meminjam daripada IFAD. Ia juga mengadakan peruntukan menghendaki apa-apa perjanjian pinjaman di antara Kerajaan dan IFAD dibuat di atas nama Kerajaan Malaysia dan boleh ditandatangani bagi pihak Kerajaan oleh Menteri Kewangan atau oleh sesiapa sahaja yang diberi kuasa oleh Menteri Kewangan. Ia juga memerlukan segala perjanjian pinjaman

yang ditandatangani dengan IFAD dibentangkan di Dewan Rakyat.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Kerajaan untuk mengeluarkan bon, nota janji hutang ataupun suratcara bagi maksud melaksanakan terma-terma perjanjian yang dibuat oleh Kerajaan dengan IFAD berkenaan dengan pinjaman daripada IFAD.

Fasal 5 Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada badan-badan berkanun untuk meminjam daripada IFAD dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis daripada Menteri Kewangan.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Fasal 6 Rang Undang-undang ini pula menyatakan wang pinjaman oleh badan-badan berkanun hendaklah digunakan untuk maksud-maksud yang baginya wang itu dipinjam.

Kerajaan diberi kuasa di bawah Fasal 7 Rang Undang-undang ini untuk menjamin pinjaman yang dibuat daripada IFAD oleh pihak badan-badan berkanun. Segala pinjaman jaminan mesti diberi secara bertulis atas nama Kerajaan Malaysia dan ditandatangani oleh Menteri Kewangan atau sesiapa yang diberi kuasa oleh Menteri Kewangan dan dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

Fasal 8 Rang Undang-undang ini menggariskan sekatan ke atas kuasa-kuasa meminjam bagi pihak badan-badan berkanun selagi jaminan masih belum selesai. Ini bermakna selagi Kerajaan terus bertanggung apa-apa jaminan pinjaman badan-badan berkanun dengan IFAD, badan-badan berkanun itu tidak boleh menjalankan apa-apa kuasa meminjam yang lain yang ada padanya, kecuali dengan persetujuan Menteri Kewangan.

Fasal 9 Rang Undang-undang ini menyatakan kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh Kerajaan jika berlaku atau dijangkakan berlaku keingkaran oleh pihak badan-badan berkanun. Dalam keadaan sebegini, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong boleh memerintah atau memberi kuasa kepada seseorang lain bagi memastikan perkiraan yang memuaskan diperolehi dari badan-badan berkanun itu untuk membolehkannya menunaikan obligasinya.

Fasal 10 Rang Undang-undang ini menghendaki pihak badan-badan berkanun membayar balik kepada Kerajaan jumlah wang yang dibayar di bawah jaminan dan jumlah wang yang badan-badan berkanun dikehendaki membayar balik ini mesti berserta bunga atasnya mengikut kadar yang sama seperti yang kena dibayar di bawah perjanjian oleh badan-badan berkanun itu dan IFAD.

Fasal 11 Rang Undang-undang ini menghendaki apa-apa pertikaian di antara IFAD dengan Kerajaan atau dengan pihak badan-badan berkanun atau kedua-duanya mengenai mana-mana perjanjian, diputuskan melalui timbangtara mengikut cara yang dipersetujui di antara pihak-pihak berkenaan. Sebarang award yang dipersetujui di dalam timbangtara mestilah boleh dikuatkuasakan dalam Malaysia.

Fasal 12 Rang Undang-undang ini menyatakan perkara-perkara yang akan membolehkan Kerajaan dan pihak badan-badan berkanun melaksanakan obligasi mereka di bawah Perjanjian.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa kini Kerajaan membuat pinjaman projek dari institusi kewangan antarabangsa seperti World Bank, Bank Pembangunan Asia dan dari sumber-sumber pinjaman dua hala seperti, dengan izin, Overseas Economic Corporation Fund, Export-Import Bank

of Japan dan Bank Pembangunan Islam. Pinjaman-pinjaman projek dari institusi-institusi kewangan seperti Bank Dunia dan IADB adalah tertakluk kepada pelbagai bayaran seperti faedah di atas pinjaman, kos penglibatan dan kos pra-bayaran ke atas pokok. Kadar faedah yang dikenakan pada masa kini adalah berbeza-beza. Bank Dunia mengenakan kadar sebanyak 7.73% setahun, IADB sebanyak 6.61% setahun dan OECF sebanyak 2.9%. Pada masa ini kadar faedah yang dikenakan oleh IFAD sebanyak 8% setahun adalah lebih tinggi daripada kadar yang dikenakan pada masa ini oleh Bank Dunia, IADB dan OECF. Walau bagaimanapun, memandangkan sektor pertanian negara masih memberi sumbangan yang penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia, IFAD boleh membiayai projek-projek pembangunan pertanian di negara kita ini. Di samping itu, Malaysia akan dapat menikmati khidmat-khidmat kepakaran yang disalurkan oleh IFAD melalui pinjaman projeknya.

Tuan Yang di-Pertua, IFAD akan menjadi tambahan kepada sumber pembiayaan luar daripada institusi berbagai hala bagi Kerajaan. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Pinjaman (Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian) 1991 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk Malaysia atau pihak-pihak berkuasa berkanun tertentu memper-dapatkan pinjaman daripada Tabung

Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian dan untuk perkara-perkara yang bersangkutan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Klang.

4.39 ptg.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pinjaman (Tabung Antarabangsa Bagi Pembangunan Pertanian) 1991 yang sedang dibincangkan sekarang ialah lanjutan dari Rang Undang-undang Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian, 1991.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utamanya ialah untuk menjadi sumber tanah bagi membangunkan sektor pertanian di negara kita supaya hasil keluaran pertanian akan bertambah dan memanfaatkan dunia sepertimana yang dihasratkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Pertubuhan Pertanian Antarabangsa (FAO).

Sejauh mana bantuan kewangan dari tabung ini akan memanfaatkan negara kita akan terletak kepada Kerajaan dan mereka yang bertanggungjawab untuk menguruskan tabung ini. Jika pinjaman dikeluarkan untuk projek yang berdaya maju, maka akan bernasib baiklah tabung ini. Jika tidak, ia akan menjadi sumber pinjaman bagi projek yang tidak menguntungkan dan berdaya maju. Selama ini sumber wang bagi pembangunan pertanian negara kita bergantung kepada pinjaman dari sumber-sumber lain seperti Bank Antarabangsa bagi Pemulihan dan Pembangunan, Bank Pembangunan Asia, Tabung Kuwait untuk pembangunan ekonomi Arab bagi membangunkan projek pertanian bersepadu kita dan negara kita masih lagi menanggung beban hutang yang sangat besar jumlahnya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini sekarang menjadi sumber baru bagi membiayai projek-projek

Kerajaan akan datang. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Kerajaan hendaklah memastikan bahawa hanya projek pertanian yang berdaya maju sahaja patut diberikan pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini pembangunan pertanian menjadi tergendala kerana ketiadaan sumber kewangan. Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang Pinjaman ini akan menyebabkan Kerajaan berhutang lagi bagi membangunkan sektor pertaniannya. Negara seolah-olah tergadai akibat hutang baru yang bakal dibuatnya.

Tuan Yang di-Pertua, tabung pinjaman ini seharusnya diuruskan dengan sempurna, teratur dan jujur. Kerajaan perlulah mengeluarkan garis panduan yang macam mana pinjaman dari tabung ini boleh dikeluarkan untuk makluman pihak yang berminat.

Tuan Yang di-Pertua, negara sekarang mendapati keluaran hasil pertanian seperti buah-buahan tempatan, bunga dan agriculture mendapat pasaran seberang laut yang menggalakkan. Kerajaan sudah mengenalpasti bahawa bidang-bidang ini memberikan penghasilan yang baik bagi kerajaan pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya pembangunan di sektor ini belum membanggakan dan menyeluruh. Tumpuan pinjaman kepada sektor ini bolehlah dipertimbangkan dengan dipastikan pasaran-basaran baru antarabangsa boleh menjaminkan. Di samping itu, agensi-agensi pertanian seperti Pertubuhan Peladang, FAMA, Bank Pertanian dan sebagainya untuk merancang untuk menyumbangkan sasaran objektif mereka bagi memenuhi permintaan rakyat yang terlibat dalam pertanian harus diberikan pertimbangan.

Tidak ketinggalan ialah sektor swasta yang menjalankan aktiviti pembangunan pertanian harus diberikan

peluang ini. Pembangunan guna tenaga sektor pertanian juga harus diberikan tumpuan dari tabung ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Batang Lupar.

4.44 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah disebutkan tadi, lanjutan daripada Rang Undang-undang yang telah dilulus di Dewan ini, kita mengadakan satu lagi Rang Undang-undang untuk pinjaman antarabangsa demi untuk memajukan industri pertanian di negara ini.

Sebagaimana yang telah kita tahu, industri pertanian di negara ini tetap akan mengambil tempat yang kedua dalam pembangunan negara di belakang industrialization itu sendiri, oieh kerana mungkin masalah tanah, mungkin bermacam-macam masalah lagi berhubung dengan pertanian. Adalah tidak dapat dinafikan lagi masih banyak tanah Malaysia yang belum lagi mendapat kajian ataupun penyelidikan sama ada boleh dimaju sebagai tanah pertanian atau pun tidak.

Walaupun kita tidak menafikan juga di Semenanjung Malaysia ini pertanian telah begitu maju dan mendapat sokongan begitu lama, tetapi masalahnya di Sarawak masih besar tanah di Sarawak belum mendapat perhatian yang rapi dan teratur. Dari itu saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, sejauh manakah penyelidikan telah dibuat kepada tanah di Sarawak untuk dimajukan sebagai industri pertanian supaya jangan tanah sebesar itu hilang begitu sahaja dengan tidak dieksploitasikan sepenuhnya.

Yang kedua, berhubung dengan pinjaman daripada Tabung IFAD ini, inginlah saya bertanya kepada pihak

Kementerian, sebagaimana yang kita ketahui, pinjaman daripada badan-badan antarabangsa sebegini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang tertentu, tetapi syarat-syarat itu kebiasaannya tidak mengiktirafkan dasar-dasar negara itu sendiri. Umpamanya di negara kita ada mempunyai dasar kita sendiri, iaitu Dasar Ekonomi Baru dan sejauh manakah boleh pihak Kerajaan membuat satu penyelarasan agar pinjaman yang diterima dari pihak antarabangsa sebegini ataupun di bawah tabung ini dapat dipergunakan untuk circumventing, dengan izin, syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah Dasar Ekonomi Baru itu sendiri.

Umpamanya, syarat-syarat pengeluaran bank pinjaman daripada antarabangsa ialah berlandaskan kemungkinan the lowest tender, ataupun the lowest offer—yang terendah sekali. Tetapi, kalau ada syarat kita sendiri di bawah Dasar Ekonomi Baru memberi priority ataupun keutamaan kepada bumiputera dan sejauh manakah perbadanan pinjaman antarabangsa ini boleh diselaraskan kehendak negara dengan kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh badan antarabangsa itu sendiri.

Jadi, kalau tidak ada perkara ini difikirkan pada masa sekarang dan sejauh manakah pihak kita boleh mempengaruhi pihak IFAD supaya dasar-dasar negara yang tertentu untuk kebaikan negara itu sendiri diselaraskan dan diiktirafkan supaya syarat pinjaman yang kita terima daripada antarabangsa tidak, dengan izin, overruled dasar negara kita.

Undang-undang ini juga membolehkan pihak Kerajaan meminjam dan pihak berkanun meminjam kepada tabung ini dan saya ingin bertanya berapa banyakkah pihak-pihak berkanun telah bercadang ataupun berura-ura untuk bercadang meminjam kepada tabung ini dan bagaimanakah prospeknya tabung ini nanti di kalangan

rakyat Malaysia terutama sekali pihak-pihak yang bercadang untuk meminjam terutama sekali daripada tempat-tempat yang masih perlukan industri pertanian. Daripada segi industri pertanian, saya juga menyentuh di sini, iaitu industri pertanian umpamanya pengeluaran makanan dan buah-buahan. Buah-buahan ini saya ingat masih banyak mendapat sambutan daripada luar negeri dan saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian bagaimanakah atau tidakkah ada penyelidikan sama ada Kementerian ini ataupun Kementerian Pertanian berhubung dengan pengeluaran buah-buahan tempatan seumpamanya buah durian dan buah rambutan yang exotic yang tidak mungkin dijumpai di tempat-tempat lain dan bagaimanakah penerimaan perbadanan kewangan antarabangsa kalau kita hendak menanam buah-buahan tempatan ini secara besar-besaran dan adakah mereka menganggap ini adalah satu projek yang mungkin dapat dibiayai ataupun tidak dibiayai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sahajalah saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri.

4.50 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, saya turut membahaskan Rang Undang-undang yang bertujuan untuk membolehkan Kerajaan ataupun Badan Berkanun meminjam dalam Tabung Antarabangsa, yang bertujuan untuk membangunkan pertanian di negara kita.

Dengan adanya Rang Undang-undang ini kita berharap Kerajaan akan kembali menumpukan kemajuan di bidang pertanian di samping kemajuan dalam bidang lain. Sebab kita lihat kebelakangan ini pihak Kerajaan terlalu

menumpukan dalam hal industri elektronik, kereta dan sebagainya.

Kita lupa sumber yang paling asasi dalam kemajuan sesebuah negara iaitulah sumber pertanian, sehingga sekarang ini kita terpaksa mengimport lebih daripada \$3,000 juta bahan makanan sama ada bijirin ataupun sayur-sayuran. Oleh itu Akta yang ada ini dapat mengaktifkan kita terutama sekali Malaysia yang mempunyai tanah yang begitu luas untuk diteroka dalam bidang pertanian. Pinjaman-pinjaman ini boleh digunakan untuk memajukan atau membuat penyelidikan di satu tempat. Misalnya sekarang kita lihat pengeluaran sayur-sayuran telah berjaya di Cameron Highlands dan penanam-penanam sayur-sayuran di situ mendapat pendapatan yang agak lumayan. Sekali lagi kita harap Kerajaan dapat meneroka di tempat yang lain untuk mengeluarkan sayur-sayuran.

Kami di negeri Kelantan ada tempat yang cukup baik, lojing supaya dapat diusahakan di Kelantan. Pulau Pinang sudah ada Menteri Kewangan di sana. Jadi kita harap di situ dapat diselidiki untuk mengeluarkan sayur-sayuran yang cukup di Malaysia ini, supaya kita tidak bergantung kepada import yang begitu banyak.

Kita lihat negara-negara yang maju dan kuat yang berani menjadi samseng kepada dunia ini seperti Amerika di antaranya mereka mempunyai makanan yang cukup. Ini satu perkara yang kita tidak dapat nafikan. Mereka ada teknologi, mereka ada juga makanan yang cukup, yang menyebabkan mereka berani menggertak mana-mana negara, sebab makanan terutama bijirin mereka mampu diekspors. Walaupun mereka mempunyai penduduk 280 juta, tetapi kita lihat negara yang menuju kepada pembaharuan teknologi, misalnya mereka menguasai angka lepas, mereka menguasai ketenteraan, kereta-kereta kebal yang begitu hebat, peluru berpandu mengeluarkan Scud dan sebagainya, tetapi negara itu yang

runtuh sekarang ini iaitu Kesatuan Soviet, mereka gagal dalam bidang pertanian di mana mereka terpaksa membawa tempurung untuk meminta ubi kentang kepada Belanda, negeri yang begitu kecil. Walaupun mereka berjaya di sudut sukan, kita lihat negeri-negeri Komunis cukup berjaya yang Malaysia sekarang pun hendak tiru untuk menaikkan sukan dan sebagainya dengan berbelanja berbilion-bilion ringgit, tetapi kita lupa sumber asasi kekuatan negara.

Kita belajarlah daripada pengalaman-pengalaman kejatuhan Soviet yang terpaksa mengorbankan ideologi mereka dalam masa 70 tahun, di antaranya yang paling besar sekali ialah kegagalan mereka menyediakan makanan untuk rakyat.

Sekarang kita lihat mereka akui bahawa ideologi yang digemburkan, industri senjata yang dinaikkan, akhirnya mereka gagal untuk menyuap sesuap nasi atau sesuap ubi kentang kepada penduduk-penduduk mereka. Eropah Barat belajar daripada kegagalan mereka sebelum revolusi industri, sebab itulah bila mereka naik revolusi industri, tetapi mereka tumpukan, mereka gunakan belanja yang begitu banyak dalam R&D (Research and Development) dalam bidang pertanian. Sebab itu Eropah Barat walaupun industri mereka maju, tetapi mereka cukup, makan mereka cukup untuk rakyat mereka. Hatta negeri Belanda dan Denmark yang kecil itu mampu mengeksport makanan mereka.

Dan dengan pindaan Rang Undang-undang ini janganlah kita gunakan wang ini untuk membuat projek-projek yang akhirnya menjadi gajah putih, tetapi tidak dapat menghasilkan sesuatu yang munafaat kepada anak negara. Tabung yang dikelolai oleh peringkat antarabangsa selalunya mereka mahu kita menunjuk, kita mengikut jejak langkah ataupun telunjuk mereka.

Kita tidak mahu Tabung ini apabila kita membuat pinjaman nanti mereka yang menentukan jenis tanaman, tanaman apa yang perlu ditanam, guna jangka panjangnya supaya Malaysia dapat mengeksport makanan, makanan yang kegunaan mereka, kegunaan yang difikirkan oleh negara-negara Barat, bukan makanan untuk kegunaan anak tempatan, sebab melalui tabung-tabung antarabangsa ini kadang-kadang mereka memainkan tekanan melalui jari halus mereka untuk menerima dasar pertanian mereka.

Di antara kelemahan-kelemahan yang ada, terutama kepada negara-negara OIC, negara yang bernaung di bawah Kesatuan, negara-negara umat Islam ini, negara OIC hanya mengeluarkan makanan sekarang 8% sahaja dari keperluan tempatan. Sebab itu kita lihat walaupun negara-negara OIC memilik kekayaan yang begitu hebat, tetapi mereka terpaksa melutut tunduk kepada negeri-negeri Barat yang maju dalam bidang pertanian dan juga perindustrian yang lain. Malaysia sebagai sebuah negara OIC di mana Tabung Pembangunan Islam juga boleh digunakan untuk meminjam, untuk membuat projek-projek pertanian gunakan peluang ini untuk kita menjadi bebas, efisien dalam soal makanan ini, sebab kita amat bimbang kalau kita melihat laporan-laporan Kementerian Pertanian tentang turunnya bahan-bahan keluaran makanan di Malaysia ini.

Begitu juga Kementerian Pertanian dan juga Kerajaan mesti menaikkan balik semangat orang untuk kembali bekerja di ladang seperti yang diberitahu oleh wakil dari Padang Terap tadi, orang lebih suka keluar daripada kampung untuk bekerja dengan gaji \$400 sebulan. Mereka tidak mahu lagi ke sawah-sawah mereka ataupun menanam sayur untuk mengeluarkan hasil dengan tangan sendiri. Ini termasuk juga motivasi dan attitude sikap rakyat yang perlu diperbetulkan kembali, kalau tidak maka akan

terbiarlah sawah ladang, dengan itu mereka akan mencari satu sumber pendapatan sementara yang gajinya \$400-\$500 tetapi sebenarnya manfaat kepada negara tidak sebanyak mana hanya kilang-kilang itulah yang mendapat manfaat yang besar, di mana keuntungan itu boleh dibawa balik ke negeri mereka.

Kawasan kampung saya misalnya di Permatang Pauh, kawasan Menteri Kewangan ini, kita lihat sawah padi di situ sudahpun 15 tahun, ada yang ditinggalkan, kalau buatpun misalnya semusim jadi padi, semusim tidak jadi padi. Akhirnya mereka tinggalkan tanah-tanah rang itu. Dan melalui Tabung ini misalnya boleh digunakan kewangan untuk mengkaji tanaman apa yang sesuai untuk menggantikan tanah rang yang tidak sesuai lagi dengan padi yang berlaku di Seberang Prai terutama sekali dan juga barangkali di lain-lain tempat, jangan kita takut untuk menghabiskan wang dalam bentuk research.

Kita lihat negeri Jepun, England dan sebagainya. Mereka memperuntukkan untuk research ini cukup banyak, tetapi kita tidak berani untuk pinjam wang, untuk research, untuk pinjam wang untuk labur dalam jangka panjang, tetapi kita berani menghabiskan wang dalam bentuk hasil yang segera. Kalau attitude ini tidak diubah maka Malaysia sampai bila-bila terdedah kepada manipulasi daripada luar. Nasib baiklah sekarang ini kita jangka di rantau Asia Tenggara ini akan terus aman ataupun 10 tahun akan datang dipanggil kawasan economic boom! tetapi siapa boleh sangka kalau berlaku satu perkara peperangan dan sebagainya.

Kalau berlaku peperangan, kita lihat Malaysia lebih teruk dari zaman Jepun dahulu di mana di waktu itu paling kurang makanan boleh dikeluarkan oleh masyarakat tempatan, tetapi sekarang kebanyakan makanan yang 60% bergantung kepada import, kalau

berlaku sesuatu kacau-bilau. Kalau Jepun dahulu mengambil masa 3 tahun baru berlaku kelaparan, tetapi sekarang kalau berlaku peperangan, barangkali rakyat Malaysia dalam masa 6 bulan sahaja boleh berlaku kelaparan. Oleh itu melalui Tabung ini kita harap Kerajaan serius untuk membina kembali sektor pertanian untuk menjadi sektor yang berjaya pada masa yang akan datang. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bintang.

5.00 ptg.

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Pinjaman Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian, 1991.

Saya hendak bangkitkan hal-hal Bank Pertanian Malaysia, dan saya dapati bahawa Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Pertanian Malaysia bagi tahun 1988 yang diaudit oleh Ketua Audit Negara pada 21.3.1990 dan juga dibentangkan di Parlimen pada 16.12.1991, dan Laporan Bank yang sama bagi tahun 1989 diaudit dan ditandatangani oleh Ketua Audit Negara pada 29.4.1991 dan dibentangkan di Parlimen pada 13.12.1991. Saya sangat kesal bahawa Bank Pertanian ini tidak bertanggungjawab, oleh kerana akaun-akaun dan laporannya bagi tahun 1988 yang mesti dibentangkan di Parlimen dengan secepat mungkin dalam tahun 1989, walaupun ianya telah diaudit oleh Ketua Audit Negara pada 21.3.1990—hanya dibentangkan di Parlimen pada 16.12.1991.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau tidak silap saya, perkara ini pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sendiri.

Tuan Wee Choo Keong: Belum lagi. Yang itu kes MADA. Ini Bank Pertanian, Tuan Yang di-Pertua. Dan juga laporan bagi tahun 1989 dibentangkan ierat pada 13.12.1991. Saya hendak merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 1988 yang mana Ketua Audit Negara menunjukkan bahawa pada 21.3.1990 Bank Pertanian ini sudah menjadi satu bank yang insolvent oleh kerana kekurangan modalnya terkumpul lebih daripada modal yang berbayar. Jadi, kalau kita merujuk kepada modal saham Bank Pertanian ini modalnya cuma \$42,540,751. Menurut Laporan Ketua Audit Negara ini, kekurangan terkumpulnya pada masa tersebut tadi ialah \$102.7 juta dalam akaun terkumpul pada akhir tahun 1988.

Saya hendak merujuk kepada nota Ketua Audit Negara ini, di bawah tajuk *Lambaran Imbangan Lain-lain Harta* dan saya quote:

“Baki pinjaman pada 31.12.1988 yang terhutang oleh semua peminjam bank seperti yang disenaraikan dalam nota 10 ialah \$100,772,556, sebelum mengambil kira peruntukan hutang ragu sebanyak \$220 juta. Walau bagaimanapun, mengikut pengiraan saya peruntukan hutang ragu yang harus dibuat bagi baki pinjaman \$1000.7 juta itu ialah \$358 juta. Jika peruntukan hutang ragu sebanyak \$358 juta disediakan, lebihan terkumpul sebanyak \$35.3 juta akan menjadi kekurangan terkumpul sebanyak \$102.7 juta dalam akaun terkumpul pada akhir tahun 1988.”

Ini menunjukkan bahawa Bank Pertanian pada masa ini sudah jadi satu bank yang insolvent di negara ini oleh kerana kekurangan terkumpulnya lebih daripada modal saham bank itu.

Pada masa ini modal saham bank ini ialah cuma \$42,540,751 sahaja. Bagaimana Bank Pertanian ini boleh menjalankan perniagaannya lagi? Saya harap Timbalan Menteri Kewangan

yang ada di Dewan ini akan mengambil perhatian dalam hal ini. Kalau tidak, ini boleh menjadi satu kes krisis kewangan pula di negara kita.

Di dalam Laporan bagi tahun 1988 ada juga satu kes lagi dan mengikut nota Ketua Audit Negara dan saya quotes:

“Dalam tahun 1982, pihak Bank Pertanian Malaysia telah menjual KPN Holding Sdn. Bhd. berserta dengan subsidiari-subsidiarinya kepada Agoes Salim Holding Sdn. Bhd. dengan harga \$8 juta.

Mengikut Perjanjian Jual-Beli itu, Agoes Salim Holding Sdn. Bhd. telah mengambilalih semua harta dan tanggungan KPN Holdings dan subsidiari-subsidiarinya. Perjanjian itu seterusnya menetapkan bahawa Agoes Holding dikehendaki membayar \$500,000 kepada Bank pada 31.12.1982. Baki \$7.5 juta akan dikira sebagai pinjaman tanpa faedah yang dikehendaki dibayar balik dalam masa 36 bulan, iaitu pada atau sebelum 31.12.1985. Walau bagaimanapun, setakat tarikh Laporan ini, bank masih belum menerima apa-apa bayaran berkaitan dengan \$7.5 juta itu. Faedah sebanyak \$815,625 untuk tempoh Januari hingga Disember 1986 sahaja yang dikenakan oleh bank menjadikan hutang syarikat itu meningkat kepada \$8,315,162. Pinjaman sebanyak \$60.92 juta yang terhutang oleh KPN Holding Sdn. Bhd. dan subsidiarinya kepada bank pada 31hb Disember telah juga diambilalih oleh pihak Agoes Salim Holding Sdn. Bhd.”

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut Laporan Ketua Audit Negara ini, Bank Pertanian menjual KPN Holdings dengan harga \$8 juta, tetapi KPN Holdings ini sudah hutang bank \$60.92 juta. Jadi, saya pun tidak faham bagaimana Bank Pertanian berniaga di dalam pasaran, oleh kerana dia jual satu syarikat KPN Holdings yang berhutang kepada Bank Pertanian sebanyak \$60.92

juta dengan harga \$8 juta sahaja dan juga bayaran yang pertamanya ialah \$500,000 sahaja. Saya harap Menteri berkenaan boleh beri satu jawapan dalam hal ini.

Saya hendak merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 1989 dan saya quote dari laporan itu:

“Pada 31.12.1989 kedudukan kewangan bank ini menunjukkan kekurangan modal sebanyak \$149,224,623. Pihak bank sedang berunding dengan pihak Kementerian Pertanian, Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia untuk mendapatkan tambahan sokongan kewangan. Ini juga menunjukkan bahawa pada masa ini bank jadi satu institusi kewangan yang insolvent. Bagaimana Menteri Kewangan atau Bank Negara boleh membenarkan Bank Pertanian Malaysia menjalankan perniagaan sebagai satu institusi kewangan di negara kita, oleh kerana modal sahamnya cuma \$42 juta sahaja dan kekurangannya sekarang ini ialah lebih daripada \$42 juta iaitu \$100 juta.

Saya dapati bahawa kalau satu institusi kewangan dapat kekurangan seperti begini, Bank Negara akan ambil tindakan dengan secepat mungkin untuk mengambilalih ataupun satu rescue scheme oleh kerana Bank Negara sudah jadi satu institusi Financial Ambulance untuk institusi-institusi kewangan yang sebegini dan saya harap Kementerian Pertanian dan juga Menteri Kewangan ambil perhatian dalam kes ini oleh kerana kita tidak boleh membenarkan Bank Pertanian menjalankan perniagaan lagi oleh kerana dia tidak mampu membuat apa-apa bayaran kepada penyimpan-penyimpan atau pendeposit-pendeposit di Bank Pertanian sekarang.

Ini satu kes yang penting dan kalau tidak ambil tindakan dengan sewajarnya, saya rasa orang awam akan terjejas dalam perkara ini. Juga dalam laporan

yang sama, Ketua Audit Negara ada sebut, saya quote:

“Satu kajian secara rambang ke atas fail pinjaman telah dijalankan untuk menentukan sama ada dasar dan aturcara pinjaman telah dipatuhi atau tidak. Hasil kajian itu menunjukkan ada 8 kes pinjaman berjumlah \$37,658,627 di mana dasar dan aturcara terhadap pengurusan kredit telah tidak dipatuhi dan menurut Perkara Belum Selesai, perkara ini telah dinyatakan dalam laporan saya tahun lalu dan kedudukan adalah seperti berikut:

Lima pinjaman telah dibenarkan untuk tujuan-tujuan membeli saham, pembangunan, perumahan dan menyelesaikan kemudahan bank. Tiada peruntukan dalam Akta Bank Pertanian Malaysia yang membolehkan pihak bank memberi pinjaman untuk tujuan-tujuan sedemikian. Pihak bank sedang mengambil tindakan tentang perkara ini.”

Kita beberapa kali dapat membaca laporan-laporan institusi kewangan atau agensi-agensi Kerajaan seperti yang dinyatakan oleh Ketua Audit Negara bahawa mereka tidak mematuhi akta-akta Kerajaan atau undang-undang yang diadakan sekarang tetapi Kementerian ataupun institusi kewangan yang berkenaan tidak ambil tindakan untuk menuduhnya atau ambil tindakan dengan sewajarnya terhadap mereka yang melanggar undang-undang negara kita. Kes ini disebutkan juga di dalam tahun 1988. Saya harap Kementerian berkenaan boleh memberitahu kita apa tindakan yang diambil.

Sebelum saya habiskan ucapan saya, saya minta Kementerian atau Menteri yang berkenaan semasa memberi jawapan pada hari ini di Dewan yang mulia ini, memberitahu kita memandang Bank Pertanian sekarang adalah satu bank yang insolvent, kenapakah bank ini dibenarkan

menjalankan perniagaan di dalam negara kita?

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong. Selepas Yang Berhormat Kepong berucap, Timbalan Menteri diminta jawab.

5.15 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini membolehkan Malaysia serta badan-badan berkuasa berkanun tertentu memperoleh pinjaman daripada Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian.

Secara umumnya, kami tidak ada bantahan terhadap penubuhan Rang Undang-undang sebegini untuk membangunkan pertanian di dalam negara dalam ertikata yang sebenarnya. Hanya kami risau kalau-kalau dengan adanya sumber pinjaman baru, Kerajaan mahupun badan-badan berkuasa berkanun boros berbelanja dan insiden-insiden atau peristiwa-peristiwa seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang mungkin akan berlaku lagi.

Menurut Kertas Perintah 18 Tahun 1991, mukasurat 15 hingga 17, kami dapat mengesan pinjaman luar negara bersangkut-paut dengan pertanian belum selesai sebanyak \$534,112,458.12 juta menjelang akhir tahun 1990. Pinjaman dalam negara yang diberi oleh bank-bank perdagangan kepada sektor pertanian pula bernilai \$4,238.3 juta atau naik 17% dalam tahun 1990 berbanding dengan jumlah pinjaman sebanyak \$3,622.1 juta pada tahun 1989. Bagi pertengahan pertama tahun ini, \$4,432 juta pinjaman diterima oleh sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu mengapa masih ada pada akhir tahun 1990 pinjaman yang begitu

banyak iaitu \$500 juta lebih yang belum diselesaikan untuk maksud pertanian. Ini merupakan satu angka yang besar yang menunjukkan prestasi pembangunan pertanian di negara kita masih mempunyai kelemahan-kelemahan yang tertentu kerana salah satu kriteria yang kita boleh gunakan untuk mentafsir bagaimana keberkesanan (efficiency) prestasi pembangunan pertanian ialah melalui bagaimana mereka menguruskan pinjaman untuk maksud tersebut.

Sekarang adalah sangat jelas bahawa pihak pertanian tidak begitu cekap untuk menguruskan masalah pinjaman ini. Walaupun pinjaman dalam negara kepada sektor pertanian bukan kesemuanya dibuat oleh Kerajaan atau badan-badan berkuasa berkanun semata-mata, kami tetap bimbang sikap meminjam dan berboros akan bertambah tenat di kalangan pentadbiran Kerajaan khususnya pada badan-badan berkuasa berkanun. Bahaya berlebihan berbelanja ini bertambah-tambah apabila faedah pinjaman yang dikenakan adalah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu walaupun saya tidak sempat datang pada awal lagi untuk memperbahaskan Rang Undang-undang Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian yang diluluskan itu, saya nampak dari sini dan saya hendak bangkitkan, iaitu diperhatikan bahawa negara Indonesia dikelaskan di bawah negara-negara anggota Kategori II, sementara Thailand dan Filipina adalah negara-negara anggota Kategori III. Apabila Malaysia menjadi anggota kelak, apakah kategorinya? Memang pinjaman ini mengikut kategori. Mungkin kita akan dapat kategori pertama, saya pun tidak tahulah.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan, apakah bezanya antara kategori-kategori berlainan dalam semua aspek urusan

Tabung? Saya pun dapat tahu bahawa negara jiran kita iaitu Indonesia, Thailand dan Filipina sejak awal-awal lagi sudah menjadi anggota Tabung. Mengapakah Malaysia hanya baru-baru ini memohon menjadi anggota dan dengan itu menjadi anggota hanya sekarang, dengan lulusnya Rang Undang-undang hari ini. Maka apakah masalah akan kita hadapi kalau berbanding dengan Thailand, Indonesia ataupun Filipina?

Tuan Yang di-Pertua, kami berharap Kerajaan serta badan berkuasa berkanun menghadkan penggunaan pinjaman kepada pelaburan ke dalam infrastruktur pertanian seperti sistem pengairan dan saluran yang berkesan. Projek-projek menyediakan infrastruktur pertanian adalah di antara projek-projek pembangunan yang banyak menelan belanja.

Kami juga berharap agensi-agensi pertanian seperti Bank Pertanian Malaysia sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang, tidak akan mengambil kesempatan kesediaan Tabung Antarabangsa memberi pinjaman untuk membiayai urusan operasinya. Memang sekarang BPM menghadapi kesusahan, menghadapi masalah kerana prestasinya menimbulkan kesangsian. Ada soalan yang besar, sama ada ia masih solvent atau tidak solvent? Kononnya Bank Pertanian Malaysia bergantung semata-mata kepada Kerajaan Persekutuan untuk dananya. Satu rancangan jangka panjang untuk mengurangkan pergantungan kepada Kerajaan untuk wang adalah menjadikan BPM sebuah bank perdagangan. Walau bagaimanapun, adakah hasrat Kerajaan untuk menjadikan BPM sebagai bank perdagangan dan juga bank yang boleh berdikari, bukan bergantung kepada Kerajaan untuk selama-lamanya.

Walaupun projek jangka panjang menjadikan BPM sebuah bank perdagangan waras dari segi perluasan

perkhidmatan serta membolehkan institusi kewangan berkenaan berdikari, semua usaha akan sia-sia sahaja tanpa pertanggungjawapan kewangan, sama seperti Bank Bumiputra yang berulang-ulang memerlukan bantuan Kerajaan Persekutuan menyelamatkannya daripada dipupus akibat penyelewengan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana diujarkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian supaya BPM menjadikan Credit Agricole Bank, Perancis iaitu salah sebuah bank berasaskan pertanian yang terbesar di dunia sebagai model, kami juga turut berharap BPM menjadi sebuah institusi kewangan yang benar-benar kukuh dan berdikari. Kalau kita boleh mencontohi, mencari teladan daripada Credit Agricole Bank, Perancis, itu memang suatu perbuatan yang baik yang mesti digalakkan. Tetapi janganlah setakat melepaskan batuk di tangga sahaja.

Selain daripada itu kami ingin bertanya Kerajaan sama ada ia ber-cadang membenarkan badan berkuasa berkanun Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) mendapatkan pinjaman daripada Tabung Antarabangsa bagi memperluaskan aktivitinya dalam sektor pelancongan serta perindustrian? Difahamkan bahawa LPP meraih keuntungan \$18 juta pada tahun yang lepas daripada pelaburannya dalam kegiatan pelancongan dan sebuah syarikat baru, Syarikat Permodalan Ladang Berhad ditubuhkan untuk pelaburan dalam sektor industri. Syarikat ini dijangka bermula operasinya pada pertengahan tahun hadapan dengan modal permulaan \$22 juta.

Tuan Yang di-Pertua, memang wajar para petani serta LPP mempelbagaikan aktiviti supaya menambahkan pendapatan dan tidak terlalu bergantung kepada sektor pertanian. Hanya kami ingin menasihatkan LPP supaya jangan terburu-buru melibatkan diri dalam

sektor yang ia kurang berpengalaman dengan melaburkan terlalu banyak wang sekali gus, lebih-lebih lagi jika wang itu diperolehi menerusi sumber pinjaman termasuk pinjaman daripada Tabung Antarabangsa kerana kegagalan akan membawa kepada tanggungan beban hutang yang lebih berat kepada kewangan Kerajaan Persekutuan. Agensi-agensi Pertanian tidak harus mendakap dalam dada sangkaan yang Kerajaan Persekutuan sentiasa ada untuk menyelamatkan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Rang Undang-undang Pinjaman Tabung Antarabangsa bagi Pembangunan Pertanian, kami berharap pihak BPM ataupun semua agensi yang kena mengena dengan pertanian akan diuruskan lebih teratur, lebih cekap dan lebih beramanah untuk memastikan pembangunan pertanian di negara ini akan dicapai dalam ertikata yang sebenarnya. Jangan kita mengambil kesempatan kerana ada kemudahan-kemudahan boleh meminjam wang antarabangsa, kita boleh buat apa-apa sahaja sepertimana yang pernah berlaku sebelum ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri dijemput menjawab.

5.28 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini sebenarnya adalah lanjutan daripada Rang Undang-undang yang telah kita luluskan sebentar tadi. Saya tidak dapat menjawab atau menyentuh setiap hujah ataupun pandangan yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan tetapi saya cuma ingin menyentuh beberapa

pandangan dan memberikan sedikit jawapan tentang apa yang telah ditanya ataupun disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Yang Berhormat dari Klang mengatakan sektor swasta pertanian haruslah diberi peluang untuk menggunakan pinjaman IFAD ini. Saya di sini ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa IFAD ini hanya memberikan pinjaman kepada Kerajaan ataupun agensi-agensi dan badan-badan berkanun Kerajaan di sesuatu negara. Yang mana pinjaman itu akan digunakan untuk melaksanakan projek, dan apabila pinjaman itu diberikan, ianya akan dijamin oleh Kerajaan. Oleh kerana itu pinjaman daripada Tabung IFAD tidak boleh digunakan oleh pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Klang juga mengatakan bahawa Kerajaan hendaklah memastikan garis panduan yang akan digunakan untuk wang pinjaman IFAD ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga pinjaman-pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan Negara kita daripada Bank Dunia dan juga ADB, garis panduan yang sama juga akan diikuti, jika kita meminjam dari IFAD. Tetapi telah saya katakan tadi, latar belakang dan alasan mengapa negara kita ingin menjadi anggota IFAD pada masa ini ialah bukan begitu berminat untuk mendapat pinjaman daripada IFAD oleh kerana apa yang telah saya sebutkan tadi, interest rate dengan izin atas pinjaman-pinjaman yang kita pinjam dari IFAD adalah tinggi sedikit daripada sumber-sumber lain yang negara kita ini dapat meminjam. Oleh kerana itu, negara kita ingin memainkan peranan untuk menolong negara-negara lain yang mana mereka menghadapi masalah kewangan untuk melaksanakan projek-projek khususnya projek-projek yang ada berkenaan dengan pengeluaran makanan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Klang pun tadi meminta supaya memastikan hanya projek-projek pertanian yang feasible sahaja dibiayai. Saya di sini, ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa projek-projek yang akan dibiayai oleh IFAD belum mempunyai daya maju ekonomi yang berpatutan atau reasonable standard of economic viability, dengan izin. Di samping dapat juga menambahkan pengeluaran makanan dan memberi faedah yang lebih kepada petani-petani kecil dan yang tidak bertanah.

Di sini, saya ingin memberitahu Yang Berhormat dari Kelang bahawa Kerajaan adalah sentiasa membuat pinjaman untuk membiayai projek-projek pertanian yang berdaya maju sahaja. Buktinya adalah jelas dengan berjaya negara kita menjadi pengeluar utama getah dan juga minyak kelapa sawit, koko dan sebagainya.

Jadi, hanya projek-projek yang berdaya maju, yang dikenal pasti oleh Kerajaan melalui Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya projek-projek itu adalah berdaya maju, barulah Kerajaan memberikan sokongan. Jikalau tidak mendapat pinjaman dari sumber domestik, Kerajaan akan membuat pinjaman daripada luar negeri. Itulah latar belakang bagi Kerajaan untuk membuat pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batang Lepar bertanya berapa Badan-badan Berkanun setakat ini telah bercadang untuk meminjam dari IFAD. Saya ingin memberi jawapan bahawa Malaysia masih belum mengambil pinjaman dari IFAD, kerana kita baru sahaja ingin menyertai IFAD dan juga kadar faedah yang dikenakan oleh IFAD pada masa ini seperti yang telah saya ulangi beberapa kali, adalah lebih tinggi berbanding dengan badan-badan kewangan lain seperti Bank Dunia.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Yang Berhormat dari Nilam Puri pula, salah satu pandangan yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat ialah beliau meminta supaya ditentukan tanaman yang ditanam adalah selaras dengan keperluan tempatan. Saya, bagi pihak Kementerian Kewangan ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa ini adalah hak Kerajaan kita untuk menentukan jenis tanaman yang ditanam dan bukan IFAD, sekalipun kita perlu, membuat pinjaman daripada IFAD. Tetapi projek-projek atau tananam-tanaman yang kita hendak tanam adalah hak negara Malaysia ini.

Saya pun ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa IFAD melalui Project Management Department for Asia Division, dengan izin, telah mengeluarkan General Identification Report of Malaysia dan mereka telah mengenalpastikan bahawa ada tiga potential project. Projek yang berpotensi, yang mana mereka ingin memberi pinjaman kepada negara kita untuk melaksanakan projek-projek ini. Ketiga-tiga projek ini ialah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Mini Integrated Agricultural Development Project (MIADP) dan juga Sarawak Land Develop Area Project. Walaupun mereka berminat untuk memberi pinjaman kepada kita, kita belum membuat keputusan untuk meminjam daripada mereka oleh kerana alasan-alasan yang telah saya sebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi membangkitkan beberapa isu berkenaan dengan Laporan Audit, Bank Pertanian dan berbagai-bagai lagi. Saya ingin di sini memberitahu Yang Berhormat bahawa masalah-masalah Bank Pertanian dan sebagainya itu tidak berkaitan dengan Rang Undang-undang pada petang ini. Walau bagaimanapun, masalah Bank Pertanian, saya ingin meyakinkan Yang Berhormat dari Bukit Bintang bahawa masalah itu telah dalam

perhatian berat Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Loke Yuen Yow: Nanti saya habiskan ini dahulu. Satu sentence sahaja. Kementerian Pertanian dan pihak-pihak yang berkaitan akan melaporkan kedudukan sebenar Bank Pertanian kepada Kementerian Kewangan dan juga perhatian yang sewajarnya akan diberikan atas isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa kes Bank Pertanian ini, saya rasa ada berkaitan dengan Rang Undang-undang ini, oleh kerana Rang Undang-undang ini memberikan hak kepada Kerajaan untuk buat pinjaman dari institusi antara-bangsa demi pembangunan pertanian. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kerajaan hendak membuat pinjaman daripada institusi kewangan antara-bangsa untuk rescue Bank Pertanian oleh kerana Bank Pertanian sudah jadi satu institusi kewangan yang bankrupt atau insolvent oleh kerana kekurangan modalnya pada tahun 1988 sudah \$100.2 juta dan modal sahamnya cuma \$42 juta. Pada tahun 1989 kekurangan modal terkumpulnya sudah \$149.224 juta dan modal sahamnya juga \$42 juta sahaja. Jadinya, adakah Kerajaan hendak membuat pinjaman daripada institusi kewangan antarabangsa untuk membela Bank Pertanian?

Dan kedua saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan

Menteri bahawa kenapa Kerajaan tidak ambil tindakan untuk menghentikan perniagaan Bank Pertanian pada masa ini. Oleh kerana Bank Pertanian sudah jadi satu institusi kewangan yang sudah bankrupt atau insolvent dan ini akan menjejaskan kepentingan orang awam. Terima kasih.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi memberitahu Yang Berhormat dari Bukit Bintang bahawa isu ini tidak ada kaitan dengan Rang Undang-undang ini. Walaupun nampaknya perkataan pertanian itu serupa, Bank Pertanian, pinjaman pertanian, projek pertanian dan sebagainya. Ini tidak bermakna bahawa isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ada kaitan dengan Rang Undang-undang ini. Tetapi saya telah memberitahu bahawa saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan masalah ini.

Jikalau masalah ini adalah berat dan serius, Kementerian saya akan memberi perhatian yang berat sekali di atas masalah-masalah atau isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya juga ingin memberitahu bahawa jikalau Kerajaan kita ingin membuat pinjaman daripada IFAD dan pinjaman itu diluluskan oleh IFAD, wang pinjaman daripada IFAD untuk projek-projek pada masa hadapan kelak dan juga dahulu tidak akan disalurkan kepada bank melalui Bank Pertanian. Pinjaman itu akan disalurkan kepada Kerajaan Persekutuan, Kumpulan Wang yang Disatukan dan di sana kita salurkan pula kepada projek masing-masing bukan melalui Bank Pertanian. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang tidak payah bimbang sangat. Isu itu akan di dalam perhatian Kementerian Kewangan.

TuanWee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia bangun pula. Hendak beri jalan lagi?

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata dia tidak berapa tahu bahawa kes ini serius atau tidak. Tetapi dalam laporan Ketua Audit Negara ini menunjukkan satu kes yang terlampau serius oleh kerana kekurangan modalnya lebih daripada modal saham Bank Pertanian sekarang dengan dua kali, tiga kali ganda. Jadi, ini memang satu kes yang terlampau serius dalam institusi kewangan. Oleh kerana kita sudah menyaksikan bahawa dalam negara kita, beberapa bank yang mendapat kurang \$10 juta, \$20 juta diambilalih oleh Bank Negara. Tetapi di dalam kes ini Bank Negara pun tidak mengambil apa-apa tindakan dan juga Kementerian Kewangan tidak mengambil apa-apa tindakan. Walaupun Laporan Ketua Audit Negara sudah dibentang di Parlimen. Terima kasih.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberitahu Ahli Yang Berhormat beberapa kali bahawa ini tidak ada kaitan dan tadi saya tidak mengatakan bahawa masalah ini bukan serius. Saya hanya katakan masalah ini telah di bawah perhatian berat Kementerian Kewangan dan akan diselesaikan oleh Kerajaan. Tolong beri Kerajaan sedikit masa untuk menyiasat masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong bertanya beberapa soalan dan saya di sini ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa beliau patut datang awal sedikit oleh kerana soalan-soalan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat itu telah saya jawab sebentar tadi. Jadi, saya di sini tidak ingin mengulangi apa yang telah saya

jawab soalan-soalan yang serupa daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Tetapi di atas soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong bertanya bahawa pinjaman pertanian banyak belum dijelaskan—mengapa? Saya ingin di sini memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa bayaran pinjaman adalah mengikut jadual pembayaran yang pada biasanya pinjaman untuk punca-punca pertanian adalah tertakluk kepada jangka masa yang panjang lebih kurang 12 tahun. Jadi, itulah nampaknya mengapa pinjaman pertanian itu banyak belum dijelaskan. Oleh kerana bayaran pinjaman itu adalah mengikut jadual pembayaran yang panjang pada biasanya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong bimbang tentang sikap boros Kerajaan berkaitan dengan pinjaman. Saya di sini ingin mengatakan bahawa perkara ini tidak akan berlaku oleh kerana pinjaman daripada IFAD adalah untuk punca-punca yang telah dikenalpasti dan juga diluluskan oleh Kerajaan untuk pelaksanaan dalam lima Rancangan Malaysia Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya anggap hanya itulah yang saya ingin menjawab dan mana-mana yang saya tidak dapat jawab, saya akan mengambil perhatian dan akan memberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 12—

5.46 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Fasal 3(2). Fasal ini membenarkan sebahagian wang pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan daripada Tabung Antara-bangsa yang tidak dapat digunakan untuk maksud-maksud lain setelah diluluskan oleh Menteri Kewangan dan Tabung. Definisi maksud-maksud lain terlalu umum dan meluas penggunaannya.

Apakah ini bermakna wang pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan boleh digunakan untuk maksud-maksud selain daripada maksud pertanian? Jika tidak, mengapa Kerajaan tidak merangka undang-undang yang membawa maksud yang lebih spesifik supaya esok hari kelak tidak timbul kekeliruan mahupun penyelewengan kegunaan wang pinjaman. Sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini hanya untuk maksud pertanian dan juga melalui Kerajaan sahaja. Tetapi definisi-definisi yang terdapat di sini adalah kurang jelas.

Fasal 3(3). Tuan Pengerusi, fasal ini bersangkutan-paut dengan perjanjian di antara Kerajaan dengan Tabung yang boleh ditandatangani sama ada oleh Menteri Kewangan atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri Kewangan.

Tuan Pengerusi, ini bermakna orang yang menandatangani kontrak perjanjian tidak semesti wakil negara atau wakil alternate kepada Majlis Tabung. Jika ini benar, apakah gunanya kita mengadakan wakil atau wakil alternate? Mengapa wakil negara atau

wakil alternate tidak dikehendaki menandatangani semua perjanjian pinjaman daripada Tabung atas nama Kerajaan Malaysia. Perkara ini memang ada penting. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawabnya.

Fasal 5(1) peminjaman oleh pihak berkuasa berkanun daripada Tabung. Fasal ini tidak menyebut dengan terang-benderang perkara-perkara yang berikut:

- (a) sama ada wang pinjaman yang diperolehi dikehendaki dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan sama seperti pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan. Jika tidak, ke manakah wang itu akan dibayar?
- (b) Adakah Menteri Kewangan atau pihak berkuasa berkanun yang mengeluarkan surat beri kuasa bertulis melantik seseorang menandatangani perjanjian di bawah meterai pihak berkuasa berkanun berkenaan?
- (c) Mengapakah Kerajaan tidak membuat pinjaman daripada Tabung dan kemudiannya menyalurkan wang berkenaan kepada pihak berkuasa berkanun yang memerlukan wang.

Ini boleh mengesyorkan pinjaman berkali ganda tidak dibuat secara tersembunyi iaitu pihak berkuasa berkanun dan Kerajaan masing-masing mendapatkan pinjaman daripada Tabung untuk membiayai projek yang sama. Jika Kerajaan sahajalah yang menyalur wang pinjaman kepada pihak berkuasa berkanun, perbelanjaan projek akan lebih jelas dan tidak begitu rumit. Tambahan lagi, di akhirnya juga Kerajaanlah yang meminjam pinjaman pihak berkuasa berkanun.

Tuan Pengerusi, maka red tape akan bertambah.

Fasal 6 penggunaan wang pinjaman oleh pihak berkuasa berkanun sama seperti *Fasal 3(1)* di atas. Bahagian wang yang tidak dapat diguna boleh dibelanjakan ke atas maksud-maksud lain setelah diluluskan oleh Menteri Kewangan dan Tabung. Apakah syor yang menghalang pihak berkuasa berkanun membuat perbelanjaan ke atas maksud daripada pertanian sementara menunggu kelulusan daripada Tabung? Kerajaan harus menghadkan penggunaan wang pinjaman hanya kepada kegiatan berasaskan pertanian dan bukan melibatkan lain-lain kegunaan seperti pelaburan dalam pelancongan atau perindustrian yang tidak bersangkutan dengan pertanian.

Tuan Pengerusi, akhirnya *Fasal 8* sekatan ke atas kuasa meminjam bagi pihak berkuasa berkanun selagi jaminan masih belum selesai. *Fasal* ini boleh diketepikan asalkan Menteri Kewangan bersetuju membenarkan pihak berkuasa berkanun membuat pinjaman baru sebelum jaminan awal dibereskan.

Bagi mengesyorkan tidak terdapat penyelewengan kewangan, Kerajaan harus menyediakan serta mengemukakan senarai syarat-syarat panduan yang menggaris dengan jelas keadaan-keadaan di bawah mana Menteri Kewangan boleh mengeneppikan kuatkuasanya *Fasal* ini. Sebaik-baiknya sebarang tambahan dalam pinjaman tanpa membereskan jaminan asal harus dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya menyukarkan kelekakan memperolehi pinjaman dan menggalakkan pihak-pihak berkuasa berkanun membayar balik pinjaman. Tindakan mungkin tegas tetapi ia amat perlu untuk memupukkan disiplin kewangan dalam pentadbiran Kerajaan terutama sekali bila wang bersumber daripada pinjaman luar negara.

Sekian, terima kasih.

5.53 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, nampaknya it goes to the detail and every word, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, that is a bad comment, sebab kita di dalam Jawatankuasa.

Dato' Loke Yuen Yow: That is not a bad comment, dengan izin.

Tuan Pengerusi: Dia tidak kata apapun.

Dato' Loke Yuen Yow: Janganlah sensitif sangat, doktor jangan sensitif. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, bagi *Fasal 3*, Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyentuh berkenaan dengan *Fasal 3.2* iaitu proviso makna-makna lain itu bermakna apa, nampaknya ini umum sangat dan beliau bimbang bahawa pinjaman yang akan dibuat oleh Kerajaan untuk maksud-maksud lain kemungkinan ini akan disalahgunakan.

Jadi, di sini saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat, maksud-maksud lain yang ada di dalam Akta ini adalah, jikalau perlu, maksud-maksud lain akan ditentukan bersama dengan/oleh Tabung dan juga Yang Berhormat Menteri. Jadi, kuasa diberikan kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Tabung untuk menentukan maksud-maksud lain, jikalau perlu.

Tuan Pengerusi, peruntukan *Fasal 3(3)* adalah selaras dengan peruntukan Akta Kontrak Kerajaan.

Dan *Fasal 6* berkenaan dengan penggunaan pinjaman oleh pihak berkuasa berkanun, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa penggunaan selain daripada penggunaan yang diluluskan hendaklah terlebih dahulu dipersetujui oleh Yang

Berhormat Menteri dan juga Tabung dan ini adalah satu bentuk kawalan

Dr Tan Seng (Kepong): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dato' Loke Yuen Yow: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah ini bermakna kalau wang ini akan digunakan untuk memperbaiki, memindahkan Dewan yang mulia ini, itupun boleh diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ataupun kita hendak memperbaiki Padang Terap kerana Padang Terap kadangkala ketinggalan zaman juga, kita hendak memperbaiki, bolehkah wang itu diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan?

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Bolehkah saya cadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya memberi segala perjanjian dan manual pinjaman daripada IFAD ini tadi kerana di dalam mana-mana pinjaman yang diberi oleh badan-badan luar negeri seperti World Bank dan Tabung tadi adalah disenaraikan segala syarat-syaratnya dengan cukup teliti. Jadi, untuk menjimatkan masa, saya cadangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi manual itu kepada Yang Berhormat dari Kepong supaya dia tidak bertanya dan membentangkan hypothesis doomsdaynya. Dia ini selalu membuat hypothesis doomsday. Adakah satu pinjaman ini untuk pertanian hendak mengeluarkan beras untuk membina Dewan ini. Saya fikir itu tidak dibenarkan oleh mana-mana

badan. Dan kalau Yang Berhormat dari Kepong mengetahui mekanisme badan-badan Bank Dunia ataupun Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu memberi, dia meneliti daripada pre-feasibility study, feasibility study, macam-macam studies dan dua tiga puluh rombongan dihantar untuk mengawasi penggunaan wang itu.

Jadi, saya cadangkan supaya Timbalan Menteri memberi segala manual-manual itu kepada beliau supaya ia tidak membawa Doomsday hypothesis di Dewan yang mulia ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sepatutnya kita lantik Yang Berhormat dari Padang Terap menjadi Menteri Kewangan ataupun Timbalannya kerana itulah peranan yang dimaikkannya sekarang.

Tuan Pengerusi: Ya, itu syor yang baik. *(Ketawa)*

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Pengerusi, saya tidak ingin menjawab setiap soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana saya berpendapat sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap bahawa apa yang telah disediakan oleh Kerajaan dalam Rang Undang-undang ini adalah cukup sesuai.

Tadi saya katakan penggunaan selain dari penggunaan yang diluluskan, jika ini berlaku hendaklah terlebih dahulu dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri dan juga Tabung. Saya tidak bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepong apa yang mereka selalu bimbang ini akan berlaku, itu akan berlaku seperti apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap 'hypothesis dooms day'.

Saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa Menteri Kewangan kita ini adalah seorang Menteri yang bertanggungjawab dan juga Kerajaan Barisan

Nasional adalah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab. Apa yang telah diluluskan di dalam Dewan ini tidak akan disalahgunakan sewenang-wenangnya oleh Kerajaan dan oleh kerana jikalau apa yang berlaku, ini akan jadi satu perlakuan yang tidak baik kepada Kerajaan.

Tuan Pengerusi, oleh kerana itu saya tidak ingin menjawab setiap soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBANGUNAN LABUAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.00 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mewujudkan Lembaga Pembangunan Labuan 1991 dibaca buat kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengisytiharkan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (International Offshore Financial Centre—IOFC) dengan penguatkuasaan beberapa perundangan asas pada 1hb Oktober 1990. Kemajuan dan perkembangan Labuan sebagai IOFC setakat ini adalah menggalakkan. Sehingga ini sejumlah 35 syarikat luar pesisir telah didaftarkan dan beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan iaitu terdiri daripada 3 buah bank, 3 syarikat harta, 10 syarikat pelaburan dan 9 syarikat perdagangan, 1 syarikat perunding, 1

syarikat insurans dan 8 syarikat amanah. Peningkatan dalam jumlah perniagaan syarikat-syarikat ini adalah menggalakkan. Misalnya jumlah simpanan yang dilaporkan diterima oleh 3 bank luar pesisir berjumlah US\$341.2 juta, manakala jumlah pinjaman luar pesisir yang diluluskan oleh bank-bank tersebut berjumlah US\$380.2 juta. Ini menunjukkan bahawa Labuan mempunyai potensi untuk berkembang maju sebagai IOFC.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menentukan Wilayah Persekutuan Labuan disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas yang sebaik mungkin. Beberapa projek pembangunan telah dikenalpasti untuk memenuhi keperluan jangka masa pendek dan jangka masa panjang masyarakat perniagaan luar pesisir di Wilayah Persekutuan Labuan.

Di dalam Rancangan Malaysia Keenam sejumlah \$361.62 juta telah diperuntukkan bagi berbagai projek pembangunan, termasuk \$143.9 juta bagi pembangunan projek-projek berkaitan dengan infrastruktur. Keutamaan juga telah diberikan bagi menubuhkan sebuah kawasan kewangan ataupun, dengan izin, financial park of the banking district yang akan menempatkan institusi-institusi kewangan dan syarikat-syarikat luar pesisir dan kawasan kewangan ini akan menyediakan pejabat-pejabat moden, kemudahan kediaman dan rekreasi yang akan dibiayai oleh institusi-institusi kewangan. Langkah-langkah juga sedang diambil bagi meningkatkan kemudahan-kemudahan komunikasi dan infrastruktur di Wilayah Persekutuan Labuan. Kemudahan di Lapangan Terbang Labuan sedang dipertingkatkan dan pengubahsuaian kepada bangunan terminal akan disiapkan pada awal tahun 1992. Usaha-usaha juga sedang diambil bagi memperbaiki dan mempertingkatkan accessibility Wilayah Persekutuan

Labuan daripada pusat-pusat kewangan dan ekonomi di rantau, seperti Tokyo, Hongkong dan Singapura. Kemudahan-kemudahan yang disediakan di Wilayah Persekutuan Labuan juga akan dinikmati secara langsung oleh penduduk-penduduk tempatan bila ianya dilaksanakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kesemua perancangan bagi Wilayah Persekutuan Labuan adalah di bawah Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri, di samping Majlis Perbandaran Labuan (MPL) sebagai Pihak Berkuasa Tempatan. Perancangan, pelaksanaan serta pengawasan ke atas pembangunannya juga terletak di bawah Jawatankuasa Kerja Tanah dan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Labuan. Fungsi, kuasa dan tanggungjawab MPL termaktub dalam Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, (Sabah) sebagaimana diubahsuaikan melalui Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kerajaan Tempatan) 1984 serta Ordinan Perancangan Bandar dan Desa, Sabah sebagaimana diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Perancangan Bandar dan Desa) 1985. Untuk memastikan Wilayah Persekutuan Labuan dapat membangun dengan lebih teratur, Kerajaan mengambil keputusan untuk menubuhkan Lembaga Pembangunan Labuan (LPL) dengan tujuan memaju, menggalak, memudah serta mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial yang lebih tersusun dan teratur, sesuai dengan matlamat Kerajaan untuk membangunkannya sebagai IOFC yang berjaya dan salah satu daripada destinasi pelancongan utama negara. LPL perlu diwujudkan dengan segera untuk mempercepatkan pembangunan di Wilayah Persekutuan Labuan sesuai dengan tarafnya sebagai IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bagi mewujudkan LPL 1991 yang dibentangkan di Dewan ini

terbahagi kepada enam Bahagian. Bahagian I mengandungi perkara Permulaan, tajuk ringkas dan takrif beberapa istilah yang digunakan dalam Rang Undang-undang tersebut. Menteri yang bertanggungjawab terhadap LPL ialah Menteri Kewangan memandangkan peranan utama LPL ialah membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai IOFC dan LPL akan beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan. Kawasan LPL akan meliputi Pulau-pulau Burung, Lahad, Labuan, Kuraman, Papan, Rusukan Besar, Rusukan Kecil serta kawasan perairan dalam lingkungan 4.8 km ataupun 3 batu nautika daripada Pulau Labuan dan kawasan ini akan diwartakan menurut peruntukan seksyen 9.

Bahagian II objektif LPL iaitu bagi memaju dan menggalakkan Labuan sebagai IOFC dan kawasan bebas duti dan memudah dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial serta pembangunan pelancongan, perindustrian dan komersial dan infrastruktur. Di samping itu, LPL juga akan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut tadi dalam Kawasan Pembangunan Labuan dan LPL juga berkuasa melakukan apa-apa perkara lain yang patut bagi membolehkannya menjalankan fungsi dan kuasanya dengan berkesan.

Bahagian II juga menentukan ahli-ahli Lembaga Pengarah LPL akan terdiri daripada seorang Pengerusi dan lima orang ahli yang akan dilantik oleh Menteri. Seseorang anggota Lembaga Pengarah boleh memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak dilantik semula. Mereka akan dibayar saraan atau elaun-elaun tertentu dengan kelulusan Menteri. Ahli-ahli Lembaga Pengarah LPL perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya dua bulan sekali dan kuorum mesyuarat Lembaga ialah tiga orang. LPL akan bertanggungjawab kepada Menteri dan perlu mengemukakan sepertimana diarahkan oleh Menteri dan mana-mana pihak

berkuasa awam apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan apabila diminta.

Bahagian III membuat peruntukan mengenai tanggungjawab Pengerusi untuk melaksanakan apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Menteri. Bahagian ini juga membuat peruntukan dengan kelulusan Menteri membolehkan Lembaga melantik Pengurus Besar, seperti ketua pegawai eksekutifnya dengan terma dan syarat yang tertentu serta menetapkan tugas dan tanggungjawab Pengurus Besar.

Di samping itu, Bahagian ini juga membenarkan Lembaga melantik pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat LPL. Lembaga diberi kuasa membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya tertakluk kepada kelulusan Menteri.

Bahagian IV membuat peruntukan membolehkan LPL menubuh dan menguruskan apa-apa tabung kumpulan wangnya sama ada daripada peruntukan terus daripada pihak Kerajaan atau daripada apa-apa punca yang diluluskan oleh Menteri.

Bahagian V membuat peruntukan mengenai lain-lain fungsi dan kuasa LPL serta perwakilan fungsi kuasa ataupun kewajipan Lembaga di bawah Rang Undang-undang ini kepada Pengerusi ataupun Pengurus Besar LPL. Ianya juga memberi kuasa kepada Pengerusi ataupun Pengurus Besar untuk membelanjakan wang dari kumpulan wangnya serta memberi kuasa kepada LPL dengan kelulusan Menteri untuk meminjam wang, membuat pelaburan, menggunakan khidmat nasihat teknik untuk menjalankan apa-apa urusannya, kuasa memberi pinjaman pengambilan tanah dan menubuhkan perbadanan melalui satu perintah yang akan disiarkan dalam *Warta*.

Bahagian VI membuat peruntukan am bagi LPL seperti tanggungjawab menyimpan rahsia dan dengan kelulusan Menteri Lembaga diberi kuasa membuat peraturan-peraturan yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan matlamat penubuhan LPL, LPL diberi kuasa yang mencukupi sebagai agensi perancang dan pelaksana program pembangunan di Wilayah Persekutuan Labuan. Penubuhan LPL dijangka akan tidak menimbulkan pertindihan tugas dengan tugas dan peranan Majlis Pembangunan Labuan serta lain-lain agensi pusat di Wilayah Persekutuan Labuan. Dan bagi menyelaraskan dan mengelak sebarang pertindihan tugas serta mengelakkan sebarang kemungkinan percanggahan dan kekeliruan dari segi peruntukan undang-undang dalam hubungan kuasa LPL dengan tugas dan peranan Majlis Perbandaran Labuan serta lain-lain jabatan ataupun agensi Persekutuan di Wilayah Persekutuan Labuan, peruntukan di bawah Seksyen 22 Bahagian 55 dan Seksyen 32 dan 32 Bahagian VI telah dibuat kepada Rang Undang-undang ini.

Seksyen 22 menjelaskan bidang-kuasa LPL ke atas perkara-perkara di kawasan LPL, Majlis Perbandaran Labuan hendaklah pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* terhenti mempunyai bidangkuasa ke atas mana-mana perkara yang dinyatakan di kawasan LPL. Di antara perkara-perkara tersebut adalah kuasa untuk mengawalselia, meluluskan ataupun mengawal segala pembangunan dan pengendalian dan pembiakan serta menghapuskan bangunan-bangunan; dan juga kuasa untuk melesen, mengawal; dan pewujudan, pengawalan dan pengurusan lapangan-lapangan rekreasi, kawasan-kawasan terbuka dan taman-taman.

Seksyen 32 menerangkan bahawa Suratcara Majlis Perbandaran Labuan 1983 hendaklah terpakai di kawasan LPL tertakluk kepada beberapa pengubahsuaian. Seksyen 33 menjelaskan bahawa Ordinan Perancangan Bandar dan Desa Sabah yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan 1985 hendaklah berhenti terpakai di kawasan LPL pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri.

Di samping itu, wakil-wakil Jabatan yang berkaitan akan diambil ataupun dilantik menduduki beberapa penguasa teknikal yang akan diwujudkan oleh LPL dan hal ini boleh dilakukan oleh LPL seperti diperuntukkan dalam Fasal 5, Jadual Pertama dalam hubungan seksyen 5, subseksyen 2, Bahagian Kedua Rang Undang-undang ini. Langkah penyelarasan ini akan mempercepatkan lagi pelaksanaan sebarang perancangan pembangunan untuk Wilayah Persekutuan Labuan.

Penubuhan LPL akan melibatkan perbelanjaan tambahan kepada Kerajaan dari segi belanja mengurus dan belanja pembangunannya. Jumlah tersebut tidak dapat ditentukan pada masa ini kerana keperluan sebenarnya belum lagi dikenalpasti.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin pembangunan dan pertumbuhan ekonomi dan sosial yang pesat dan teratur untuk Wilayah Persekutuan Labuan, LPL perlu diwujudkan segera bagi menyusun strategi dan pelaksanaan projek-projek pembangunannya sesuai dengan matlamat untuk menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai satu pusat pelaburan yang menarik dan mencapai taraf IOFC yang berjaya serta salah satu destinasi pelancongan utama negara kita ini.

Untuk itu Wilayah Persekutuan Labuan perlu secepat mungkin dilengkapkan dengan semua infrastruktur

asas sesuai dengan kehendak-kehendak pelabur asing dan juga penduduk tempatan. Penubuhan LPL perlu dipercepatkan supaya perancangan pembangunan dapat dilaksanakan dengan tersusun dan teratur.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Labuan 1991 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Labuan.

6.17 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit (Labuan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang untuk menubuhkan Lembaga Pembangunan Labuan 1991.

Terlebih dahulu, saya bagi pihak seluruh penduduk Labuan menyokong sepenuhnya ke atas Rang Undang-undang ini. Sebagai anak Labuan dan mewakili rakyat di Labuan, saya amat berbangga kerana jarang sekali sesuatu Rang Undang-undang dikemukakan di Dewan yang mulia ini khusus bagi satu kawasan Parlimen. Bagi saya, Labuan adalah suatu pulau yang amat istimewa dan menjadi kebanggaan kepada kami, malah seluruh rakyat Malaysia, mungkin kecuali ahli-ahli Pembangkang. Kami turut berbangga kerana kita mempunyai satu kawasan yang akan mempunyai international standing, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana baru-baru ini telah membenarkan Labuan supaya mempunyai benderanya sendiri dan kami telahpun memutuskan

cadangan bendera Labuan untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet dan Majlis Raja-raja untuk dipersetujui. Insya Allah, tahun hadapan bendera tersebut akan dikibarkan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak perisytiharan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa, ramai pelabur-pelabur dari dalam dan luar negeri sudah mula bertapak dan memulakan operasi perniagaan dan perusahaan di Labuan. Kedatangan pelawat-pelawat ke Pulau Labuan telah meningkat bagi tujuan membeli barangan bebas duti. Dengan tertubuhnya LPL ini, sudah tentu pembangunan akan lebih pesat dan ianya juga akan membawa kesan-kesan sampingan. Pertama, oleh kerana status IOFC dan status bebas duti telah mempengaruhi harga tanah yang melambung naik. Jikalau dahulunya tanah di luar bandar hanya berharga \$15,000 seekar, kini tanah yang sama sudah berharga lebih daripada \$40,000 seekar dan harga tanah di bandar sudah meningkat di antara \$15 hingga \$40 sekaki persegi. Dan harga ini akan terus naik dari semasa ke semasa seperti yang dilaporkan oleh sebuah Syarikat Penilai dalam artikelnya di dalam akhbar *The New Strait Times* "Labuan Island—Star Performance in This Year Property Market", dengan izin, di mana dinyatakan ruang pejabat bernilai, kapital ruang pejabat meningkat sebanyak 79% dan 91% peningkatan bagi sewa ruang kedai. Dan kalau dahulu sebuah kedai dua tingkat hanya berharga \$200,000 kini ianya sudah dijual dengan harga \$400,000 seunit.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan harga hartanah ini amat menakutkan apabila kita melihat bilangan tanah hakmilik bumiputera bertukar tangan. Langkawi sebagai contohnya adalah dianggarkan sebanyak 60% hakmilik bumiputera telah berpindah tangan dan fenomena ini juga akan berlaku di

Labuan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan agar Lembaga Pembangunan Labuan supaya memainkan peranannya sebagai Coordinating Agency untuk pengembelian harta-harta bumiputera supaya dapat dibangun secara usahasama dengan Lembaga atau dengan Lembaga Pembangunan Labuan, atau anak syarikatnya yang lain. Ini ialah bagi memastikan supaya hakmilik ini tidak akan pupus dan anak jati Labuan akan menjadi setingan di buminya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tuanpunya tanah pada peringkat awalnya akan memperolehi keuntungan atau dalam jangka masa yang pendek, tetapi dalam jangka masa yang panjang tanpa penglibatan Kerajaan, bumiputera ini akan kehilangan hakmilik seperti yang banyak berlaku di Langkawi, dan kita tidak mahu melihat LPL juga menjadi pembeli tanah hakmilik bumiputera dengan harga yang murah dan kemudiannya menjual atau memajakkannya kepada pelabur asing dengan harga dan keuntungan yang tinggi. Sekiranya ini berlaku LPL akan menjadi agensi yang kaya tetapi orang Labuan akan hanya menjadi spectator di luar gelanggang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin memohon kepada Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan Labuan yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara supaya dapat merangka dan membuat suatu peraturan baru yang melibatkan tanah hakmilik bumiputera supaya pertukaran hakmilik itu tidak dibuat begitu senang. EXCO tanah ini perlu mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat agar penjualan tanah menjadi tidak menarik kepada tuan punya tanah atau si pembeli. Ini adalah ditekankan kerana majoriti penduduk Labuan tidak berupaya untuk mengambil bahagian dalam sektor-sektor lain atau merebut peluang dalam pembangunan Labuan sebagai IOFC. Dan ini sahajalah yang saya rasakan di

mana penglibatan penduduk tempatan boleh ditonjolkan dan dieksplotasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan pemilihan Yang Berhormat dari Merbok bekas Menteri Kewangan dipilih sebagai Pengerusi Lembaga Pembangunan Labuan. Dan saya percaya dengan pengalaman beliau yang begitu luas akan dapat menarik dan menggerak serta memastikan kemajuan Labuan sebagai IOFC yang unggul, sepertimana yang telah diisytiharkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa Perhimpunan Agung UMNO bulan lalu beliau telah menggelar Yang Berhormat dari Merbok sebagai 'Sultan' cuma saya tidak mahu satu sahaja ciri 'Sultan' ini jangan dibawa ke Labuan seperti yang disuarakan oleh Ustaz Zainal Sakom semasa perhimpunan tersebut.

Saya juga ingin mengharapkan agar pemilihan calon sebagai pegawai atau Ketua Eksekutifnya nanti supaya dipilih atau pemilihan calon sebagai Pengurus Besarnya yang akan menjadi orang utama dalam Lembaga ini, dan pemilihannya perlulah dibuat dengan teliti dan berhati-hati disebalik kualiti pengurusan seseorang itu atau kualiti pengurusan yang cekap, maka seseorang pegawai itu mestilah mempunyai PR atau perhubungan awam yang baik terutamanya dengan rakyat tempatan. Dan masalah kecil seperti yang berlaku di Langkawi di mana seorang pemilik tanah mendakwa LADA di Mahkamah dan menyekat pembangunan kawasan tersebut sebagai suatu contoh di mana sekiranya ada PR yang baik, saya rasa masalah ini dapat dihindarkan dan janganlah kita mengambil take things for granted, dan berselindung serta menggunakan Land Acquisition Act dengan sewenang-wenangnya bagi mendapatkan tanah untuk tujuan pembangunan LPL nanti. Dan saya percaya banyak masalah yang boleh diselesaikan dengan cara perundingan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak kelulusan diberikan kepada lima Rang Undang-undang dalam bulan Jun, 1990 bagi menubuhkan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa. Rang Undang-undang yang dibentangkan hari ini adalah satu rahmat terbaru yang akan dinikmati oleh pulau ini. Dan selama ini orang-orang Labuan telah menyedari bahawa pertumbuhan dan pembangunan Labuan mempunyai hubungan terus dengan kemajuan sosial, kebudayaan dan ekonomi mereka. Oleh kerana itu sudah semestinyalah mereka menyokong Rang Undang-undang ini sepertimana yang dijangkakan. Oleh kerana harapan mereka begitu tinggi adalah diharapkan bahawa apabila Rang Undang-undang ini diluluskan dan dilaksanakan aspirasi penduduk-penduduk Labuan akan diambilkira. Pandangan dan pendapat mereka perlu diberi pertimbangan atau diwakili di semua peringkat pentadbiran dan pengurusan Lembaga yang akan bertanggungjawab bagi membangun kawasan-kawasan yang di bawah pentadbirannya.

Dan dalam menyokong Rang Undang-undang ini bagi diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, saya hendak menumpukan perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa perkara.

Yang pertama ialah tentang bidangkuasa Majlis Bandaran Labuan seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Pada masa ini keseluruhan Pulau Labuan diletakkan di bawah bidangkuasa Majlis Perbandaran Labuan, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, Majlis berkenaan akan terpaksa menyerahkan kuasanya ke atas setengah-setengah kawasan pembangunan kepada Lembaga yang baru, dan secara berkesan ini bermakna bahawa Majlis akan dilucutkan setengah daripada kuasanya ke atas kawasan-kawasan berkenaan.

Sebagai Ahli Majlis Perbandaran Labuan dan sebagai Naib Pengerusi MPL saya sendiri tidak mahu melihat penarikan balik dan penyerahan kuasa-kuasa Majlis ini kepada badan lain. Walau bagaimanapun, kita terpaksa berkorban oleh kerana objektif Rang Undang-undang ini ialah untuk memajukan kawasan-kawasan yang beroperasi sebagai kawasan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa. Dan sebagai destinasi pelancongan dan juga sebagai kawasan-kawasan bebas cukai yang akan menguntungkan secara langsung atau tidak kepada pulau itu dan negara amnya.

Perkara kedua, tentang ketidak-samaan pertumbuhan. Suatu faktor kritikal yang perlu diambil kira di dalam pengurusan dan pentadbiran Lembaga ialah kemungkinan kawasan-kawasan yang secara langsung di bawah kawalannya akan berkembang dengan pesat, tetapi dibandingkan dengan kawasan-kawasan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Labuan, ketidaksamaan pertumbuhan ini akan berlaku. Walaupun tidak dapat dielakkan perlu dikurangkan atau diminimalkan, oleh kerana dari segi sosialnya ketidakseimbangan ini adalah tidak sihat dan sebagai sebahagian dari rancangan pembangunan Lembaga ini, mestilah ada satu komitmen untuk menyalurkan sebahagian daripada kemudahan pembangunan ke kawasan-kawasan di luar kawasan Lembaga untuk mengurangkan ketidaksamaan ini, dan bagi mewujudkan mekanisma penyaluran seperti ini, hubungan di

antara Lembaga dan Majlis perlu ada dengan cara yang lebih erat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara penting yang perlu diberi pertimbangan dengan serius ialah kemungkinan timbulnya pertelingkahan di dalam menjalankan kuasa-kuasa tertentu oleh pihak Majlis Perbandaran Labuan di kawasan-kawasan di bawah bidang-kuasa Lembaga. Jangkaan ini bukanlah suatu spekulasi, tetapi kemungkinannya betul-betul berlaku adalah amat besar, memandangkan bahawa Lembaga tidak akan menjalankan semua tugas yang selama ini dijalankan oleh Majlis Perbandaran, contohnya Majlis Perbandaran mungkin perlu terus meneruskan menjalankan tugas yang disenaraikan di dalam perengan, 21-22, 24-42, 44-45, 47-48, 52-54, 57, 58, 60, 62, 64, 66, 67, 69, 72 dan 73 dalam subseksyen 1, Seksyen 49 Ordinan Kerajaan Tempatan 1984 sepertimana yang diubahsuai di dalam perintah Ordinan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat minta sambung besok.

Tuan Abdo! Mulok bin Awang Damit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.